

nadi insan


WAWANCARA:
S.M. MOHD. IDRIS

OKTOBER 1979
KDN O521/79
80 SEN

KANAK-KANAK MASAKINI: NASIB GENERASI DEPAN

- Siri Kartun Baru: Hikayat Hawa
- Dr. Burhanuddin Al-Hufaimi
- Dasar Luar Negara Cina
- Seni Anak-anak Palestin
- Spyros: Not a Greek Tragedy

6



Buku-buku ini diterjemah dan ditulis dengan bahasa yang mudah, ringkas dan tepat untuk memudahkan pelajar-pelajar memahami dengan lebih jelas.

BUKU-BUKU GEOGRAFI TERBITAN DBP UNTUK PENUNTUT-PENUNTUT UNIVERSITI DAN MENENGAH ATAS



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Peti Surat 803, Kuala Lumpur, 08-08 Malaysia.
Telefon 481169 481240 481371 481437 481710

nadi insan

Bilangan 6

Oktober 1979

pena penyunting	2	
surat dari pembaca	3	
wawancara	4	S. M. Mohd. Idris
ekonomi	7	Kemelesetan Ekonomi Sekali Lagi
tokoh	8	Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi
nasional	12	Keciciran Sekolah Nasib Malang Pekerja Kanak-kanak
antarabangsa	16	Dasar Luar China
kanak-kanak	18	Pengistiharaan Hak Kanak-Kanak
seni	19	Anak-anak Pelarian Palestin
kartun	22	Hikayat Hawa
buruh	26	Spyros: Not A Greek Tragedy
sains	28	Sains: Ke Mana Hendak Dituju?
ekonomi	30	Kenaikan Harga Minyak Kedua
pojok	31	Pencak Langkah
cerpen	32	Hitam Trishaw
sajak	38	Hari Jadi Mu
filem	40	Tuan Badul

S.M Mohd. Idris—seorang peniaga yang sudah berjaya—sekarang menumpukan perhatian utamanya kepada usaha-usaha untuk memperjuangkan kepentingan para pengguna serta melindungi alam sekitar kita yang kian merosot. Berkenalanlah dengan tokoh luar biasa ini di m.s. 4.



Tahun 1979 diistiharkan Tahun Kanak-kanak Sedunia. Dua masalah serius yang melibatkan kanak-kanak di Malaysia—keciciran dan pekerja kanak-kanak diberi perhatian dalam keluaran ini. Di samping itu, kami terbitkan beberapa lukisan oleh kanak-kanak Palestin yang mencerminkan keadaan hidup mereka.

Dengan keluaran Nadi Insan yang keenam, kami mulakan sebuah siri kartun baru berjudul 'Hikayat Hawa' yang akan mengisahkan perubahan kedudukan serta peranan kaum wanita dari masyarakat kuno sehingga masa kini.



Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi—pemimpin nasionalis Melayu yang paling dihormati telah meninggal dunia 10 tahun lalu, beberapa bulan setelah dibebaskan selepas ditahan selama beberapa tahun kerana tidak setuju dengan pembentukan Malaysia. Saudari Saliha Hj. Hassan membincangkan cita-cita serta usaha-usahanya di m.s. 8-11.

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau Sidang Penyunting majalah ini.

penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,
Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana Ariffin
pelukis : H.S. Chia, Jaseni
pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.

Tahun 1979 telah diistiharkan sebagai Tahun Kanak-Kanak Sedunia. Kanak-kanak Malaysia sekarang adalah generasi depan yang akan terus membangunkan tanahair kita. Pada peringkat umur yang masih muda lagi, mereka sungguh rentan dengan tekanan alam serta masyarakat. Kegangguan terhadap kesihatan, pemakanan dan asuhan boleh menghancurkan masa hadapan mereka. Justru itu peranan keluarga dan dasar-dasar pemerintah harus disatukan demi kepentingan kanak-kanak tersebut.

Di samping mengukuhkan keazaman baru kami juga ingin merapatkan lagi para pembaca dengan pergolakan sains dan teknologi. Oleh itu kami telah menyediakan ruang sains di dalam *NI*, dan dengan adanya sumbangan-sumbangan daripada semua pihak, maka dapatlah kami mengatur semula peranan sains terhadap perkembangan masyarakat. Tindakan seperti ini boleh melucutkan sifat keramat yang telah lama menyelubungi bidang sains.

Kitah telah menerima sambutan baik dari para pembaca berkenaan dengan kartun pendidikan. Untuk mengekalkan ruangan ini, kami mempersembahkan pula siri baharu yang berjudul Hikayat Hawa. Di sini kita berpeluang mengikuti sejarah perkembangan masyarakat dari kacamata kaum wanita. Semoga dengan persembahan ini mereka akan sentiasa dihormati, sejajar dengan perjuangan dan pengorbanan mereka.

Wawancara dengan saudara S.M. Mohd. Idris, selaku presiden Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM), sungguh menarik sekali. Kegiatan-kegiatan CAP dan SAM sebagai pembela pengguna-pengguna dan pendirian beliau terhadap penyelewengan di dalam masyarakat kita sungguh mengagumkan. Kami percaya wawancara ini akan menimbulkan semangat kesedaran kepada para pembaca untuk bertindak melalui saluran-saluran yang demokratik.

Bila di Melaka

singgahlah di

MOTEL TANJONG KLING
Pantai Pengkalan Perigi
Tanjong Kling
Melaka

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

nadi insan

hanya 80 sen

Keluaran lepas:

SEPTEMBER/5

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setinggalan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

OGOS/4

- Wawancara: Jins Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkat: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

JULAI/3

- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria - Pesaka Umum

JUN/2

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

MEI/1

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah; Bhutto.

Kandungan:

- Wawancara ● Bimbingan ● Peraduan
● Pojok ● Kartun ● Buku ● Filem
- Nasional ● Antarabangsa ● Ekonomi
● Seni ● Cerpen ● Pulsi ● Sukan
● Alam Sekitar ● Sains & Teknologi

TAWARAN ISTIMEWA

- Jimatkan wang dengan langganan terus
\$4 untuk 6 bulan
\$7 untuk setahun

● Juallah **NADI INSAN** perolehi pendapatan sampingan
Jika anda berminat sila berhubung dengan pengurus **NADI INSAN** secepat mungkin

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat:

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.



SURAT DARI PEMBACA

Ruang Sains Masyarakat

Hood Salleh, Jab. Antropologi & Sosiologi, U.K.M. Bangi: Saya berharap tuan dapat mengemukakan pendapat saya terhadap *Nadi Insan*. Pada hemat saya, *Nadi Insan* mempunyai sekurang-kurangnya dua ciri yang amat menarik. Pertama, ia merupakan suatu penerbitan yang berjaya menghasilkan pendapat-pendapat yang sederhana. Dengan ini saya maksudkan bahawa ianya tiada bertujuan untuk menumpukan hanya kepada perkara-perkara dan kejadian yang *sensational*. Segala artikel telah ditapis dengan teliti oleh sidang pengarangnya, selepas itu barulah dikeluarkan. Kedua, kepada saya *Nadi Insan* adalah satu-satunya penerbitan yang mempunyai banyak potensi untuk dijadikan sebagai suatu forum yang ilmiah. Dengan kata-kata lain, *nadi* sumbangan-sumbangan yang tuan telah pilih adalah merujuk kepada tema-tema semasa dan juga yang sejagat (universal), iaitu perkara-perkara yang *perlu* dibincang oleh komuniti akademik maupun rakyat jelata yang sedar akan kedudukan hidup di sekeliling. Inilah juga suatu aspek yang serius yang kami fikirkan sebagai satu kejayaan besar yang telah dicapai oleh penerbitan tuan.

nadi insan, oktober 1979

Nadi Insan nampaknya adalah suatu usaha yang cuba menentang usaha-usaha penerbit-penerbit yang lain yang cuma berhasrat '*profit motive*' sahaja. Penerbitan-penerbitan demikian memang banyak terdapat di negara kita sekarang ini. Oleh itu peranan *Nadi Insan* boleh diibaratkan sebagai *benteng yang kokoh* yang menentang segala ombak dari lautan masyarakat yang cuba secara sedar maupun tidak sedar, merobohkan rangka istana ilmiah yang merupakan ideal yang disanjung tinggi oleh sidang pengarangnya.

Saya ingin mengesyorkan supaya suatu ruang khas diberi kepada perkara-perkara yang boleh dibincangkan oleh para saintis sosial tempatan maupun yang dari luar negeri. Ruang yang dimaksudkan tidak semestinya besar, dua mukapun memadai, asalkan bagi tiap-tiap keluaran ada isu atau isu-isu-isu yang terpenting diberi *komen* atau *analisa* oleh para sarjana sains masyarakat. Mungkin ruang ini boleh dinamakan 'Ruang Sains Masyarakat'. Apa kata Tuan Pengarang? Saya rasa tentunya beratus-ratus ahli sains sosial di negeri kita ini yang ingin mengemukakan pandangan masing-masing dalam ruang ini. Kita beri mereka peluang, nescaya mereka tidak tolak. Komen atau analisa yang saya maksudkan tidak semestinya

merupakan pembicaraan yang mempunyai bentuk seperti artikel jurnal akademik tetapi boleh juga sebagai cerpen, renungan, dsb asalkan tema-tema yang tersirat di dalamnya merupakan *social comment* yang serius. Memang sudah ada dalam *Nadi Insan* penulisan seperti ini, cuma saya cadangkan satu ruang khas bagi tiap bulannya.

Sidang Redaksi: Terima kasih di atas kesudian saudara memberi pendapat dan cadangan yang sungguh menarik. Sumbangan yang merupakan social comment boleh memperkayakan lagi mutu NI. Apa pula pendapat para pembaca sekalian? Di samping menunggu pendapat yang lain, kami akan menyiarkan sumbangan saudara saudari yang bertema sedemikian, walaupun kita masih belum ada ruangan tetap.

Unnecessary price increases?

Idris Mohd. Bidin, Petaling Jaya, Selangor: Your article on oil price increases (NI— No. 4) was timely. Unfortunately, your figures have now been outdated. With the latest price increases announced on August 29th, the kerosene price today is 50% above the level only three months ago. The price increase in petrol (\$3.69 per gallon or up 21 cents for premium and \$3.35 or up 25 cents for regular) and diesel (\$1.30 per gallon or up 10 cents) will also result in a higher cost of living.

Before August 29th D.S. Dr. Mahathir had announced he would not allow another oil price increase in the domestic economy despite the latest OPEC price increase. The pressure from the oil companies, however, has proven too strong. Perhaps the government should stop holding discussions with the oil companies as a group but negotiate with them one by one so as to disband their present operation as a cartel.

S.M. MOHD. IDRIS:

PEMBELA HAK ASASI PENGGUNA-PENGGUNA

NI: *Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang (CAP) telah ditubuhkan sejak 10 tahun dulu. Kini CAP boleh dianggap sebagai sebuah badan pengguna yang terkenal serta yang paling aktif di negeri ini. Bolehkah Encik Idris memberitahu sedikit sebanyak mengenai matlamat-matlamat dan falsafah CAP?*

Idris: Sebagai sebuah pertubuhan pengguna-pengguna, tugas utama CAP ialah untuk mempertahankan kepentingan pengguna-pengguna. Kita percaya bahawa mereka tidak patut ditipu atau dieksploitasikan oleh pihak penjual dan mereka juga berhak mendapat keadaan lingkungan yang baik serta bersih.

Memang banyak isu-isu seperti makanan, pemakanan, kesihatan, pengangkutan dan perumahan yang perlu diutarakan. Kita percaya bahawa manusia hanya dapat merasa senang sekiranya kehendak-kehendak asasi mereka dapat dipenuhi dan jika cara kehidupan mereka selaras dengan alam semulajadi. Itulah sebabnya CAP sering menegaskan tentang pentingnya isu-isu pengguna dan pembangunan perlu dilakukan tanpa memusnahkan keindahan alam sekitar. Malangnya, dalam masyarakat moden kita, manusia terlampau sangat menekankan pertumbuhan ekonomi dan pencarian wang hinggan perkara-perkara yang saya timbulkan tadi telah dilupakan. Pengguna-pengguna dapat mempertahankan hak asasi mereka hanya melalui persatuan yang teguh. Hanya melalui pendidikan dan kesedaran sajalah mereka dapat melindungi alam sekitar mereka.

Dalam jangka masa enam tahun, harga barang-barang pengguna telah melambung tinggi melebihi 60%. Nampaknya susah orang miskin hendak hidup!


NI: *Bolehkah Encik Idris memberitahu kami cara-cara yang telah diambil oleh CAP untuk melindungi pengguna-pengguna?*

Idris: CAP telah menubuhkan suatu seksyen Aduan untuk melindungi pengguna-pengguna daripada ancaman

penyelewengan perniagaan. Pengguna-pengguna yang merasakan mereka telah ditipu bolehlah berhubung dengan kami dan kami akan cuba dengan sedaya upaya menolong mereka. Pada tiap-tiap bulan kami menerima lebih kurang 200 aduan. Sebahagian besar daripadanya adalah mengenai barang-barang yang bermutu rendah, penipuan melalui tempahan pos, masalah-masalah perumahan dan insuran, perkhidmatan hospital atau pungutan sampah yang kurang memuaskan, 'over charge' terhadap bil-bil telefon dan air.

Kami telah seringkali mendesak pihak berkenaan mengetatkan lagi undang-undang dan mendakwa mereka yang telah melanggar undang-undang di mahkamah. Malangnya, tindakbalas yang diharapkan sungguh kurang memuaskan.

Sebaik-baik saja kami terima aduan-aduan tersebut, kami terus menulis ataupun melawat ke syarikat-syarikat atau perbadanan-perbadanan awam yang berkenaan. Secara umumnya, 8 daripada 10 aduan dapat diselesaikan secara memuaskan. Membuat aduan adalah sesuatu perkara yang penting. Seringkali kita dapat ramai orang yang telah ditipu bersungut sahaja tanpa membuat apa-



Seminar makanan dan pemakanan

apa aduan. Jika mereka membuat aduan, bermakna mereka telah mengambil tindakan positif untuk mengatasi masalah ini.

NI: *Masa sekarang ramai orang amat bimbang tentang kos hidup yang semakin naik. Apakah pendapat Encik Idris mengenai hal ini?*

Idris: Memang benar. Kita sungguh bimbang terhadap kenaikan harga barang-barang seperti makanan, minuman, kain, rumah dan bahan-bahan pembinaan, minyak tanah dan diesel. Dalam jangka masa enam tahun, harga barang-barang pengguna telah melambung tinggi melebihi 60%. Kita juga dapati bahawa sepiring nasi lemak telah meningkat sedangkan bilangan ikan bilis dalamnya telah berkurang. Nampaknya susah orang miskin hendak hidup!

Selain daripada masalah inflasi, terdapat juga masalah kekurangan bahan-bahan keperluan asas seperti ikan, kayu api, kayu balak, minyak tanah. . . .

Adalah jelas bahawa sistem pemasaran dan pembahagian sungguh tidak memuaskan. Oleh itu, pemerintah harus bersikap tegas supaya harga tidak melambung sesuka hati dan mengawal pemasaran bahan-bahan keperluan.

Perubahan dari yang lama ke yang baru memang merupakan suatu proses yang sukar dan mungkin pahit.

NI: *CAP juga menjalankan ujian-ujian ke atas beberapa barang. Bolehkah Encik Idris memberitahu kita tentang keputusan ujian-ujian dan penyelidikan ini?*

Idris: Memang banyak barang yang merbahaya dan bermutu rendah dijual di Malaysia. Tujuan kami menjalankan ujian-ujian dan penyelidikan ialah supaya pengguna-pengguna dapat diberitahu tentang bahayanya. Berdasarkan kepada ujian-ujian ini kami boleh juga meminta pihak berkenaan mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat atau individu yang bertanggungjawab.

Biar kita ambil makanan sebagai contoh. Dari ujian-ujian yang kami telah jalankan, kami dapati daging, minuman dalam botol, gula-gula dll jenis makanan mengandungi pencelup-pencelup berwarna yang melebihi piawai yang dianggap merbahaya. Penjualan berbagai jenis dadah telah dilarang di negeri-negeri lain kerana ianya mengandungi bahan-bahan yang merbahaya. Tetapi dadah-dadah ini masih dijual di negeri kita.

Ujian-ujian kami telah menunjukkan adanya logam-logam merbahaya seperti pelambam dan cadmium dalam beberapa jenis kosmetik seperti 'eye-shadow, lipstick dan pencelup rambut. Banyak cap serbuk kopi mengandungi kurang daripada 30% kopi tulen sedangkan banyak cap daun teh mengandungi bahan berwarna yang merbahaya.

Segala-gala ini mengancam kesihatan pengguna-pengguna. Kami telah seringkali mendesak pihak berkenaan mengetatkan lagi undang-undang dan mendakwa mereka yang telah melanggar undang-undang di mahkamah. Malangnya, tindak balas yang diharapkan sungguh kurang memuaskan.

NI: *Untuk mengukuhkan gerakan pengguna, ianya mesti dipopularkan di kalangan orang ramai. Encik Idris, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh CAP untuk mencapai matlamat ini?*

Di samping itu masyarakat perikanan dan pertanian menerima ancaman pencemaran.

Idris: Saya bersetuju dengan saudara. Pendidikan pengguna mesti sampai kepada rakyat biasa sekiranya gerakan pengguna ingin bergerak maju. Seringkali kami telah menegaskan bahawa keputusan penyelidikan kami mesti dilaporkan kepada orang ramai, kalau tidak ianya tidak bermakna langsung.

CAP setakat ini telah menerbitkan suratkhbar bulannya, **Utusan Konsumer** (dalam Bahasa Inggeris) dan **Utusan Pengguna** (dalam Bahasa Malaysia). Utusan ini merupakan suatu sumber perhubungan yang boleh merapatkan lagi CAP dengan orang ramai. Kami juga telah menerbitkan banyak buku dan risalah-risalah mengenai berbagai-bagai isu pengguna.

Selain daripada penerbitan, CAP juga telah menjalankan beberapa aktiviti dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah, maktab-maktab perguruan dan kampung-kampung. Dalam rancangan pendidikan ini, kami memberi ceramah, menunjukkan slaid dan mengadakan perbincangan dengan pelajar-pelajar dan kumpulan lain. Dengan cara begini kami berharap kesedaran pengguna di kalangan mereka dapat dipertingkatkan lagi.

NI: *Suatu kelemahan umum yang dialami oleh badan-badan pengguna ialah mereka hanya menjaga kepentingan penduduk di bandar. Akan tetapi CAP pernah juga membantu penduduk di luar bandar. Umpama-*




Tak disangka-sangka!

nya CAP telah bersama-sama dengan nelayan-nelayan di Kuala Juru menentang pencemaran. Adakah CAP mementingkan pendidikan pengguna di kawasan luar bandar?

Idris: Ya, memang benar. Di kawasan luar bandar, maklumat dan kemudahan asasi seperti air bersih, sanitasi yang baik, bekalan elektrik dll tidak mudah diperolehi. Mereka sering ditipu melalui harga-harga yang lebih tinggi dan penjualan barang-barang yang sudah lama.

Di samping itu, banyak masyarakat perikanan dan pertanian menerima ancaman pencemaran. Mereka juga memerlukan pertolongan.

Rancangan luar bandar CAP mencakupi penyiasatan terhadap masalah alam sekitar, sanitasi dan masalah pengguna-pengguna, termasuk ceramah, pertunjukan slaid dan pamiran di kampung-kampung. Kami cuba dengan sedaya-upaya membawa ke tengah masalah-masalah mereka kepada badan-badan kerajaan yang berkenaan.



Di pamiran tentang pencemaran alam sekitar

NI: Berkenaan dengan alam sekitar, Encik Idris, kami percaya saudara juga menjadi Presiden sebuah pertubuhan baru yang dipanggil Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang menumpukan kegiatannya terhadap masalah alam sekitar. Apakah matlamat dan aktiviti SAM?

Idris: Seperti yang diketahui, di Malaysia ini, kita sedang menghadapi suatu krisis alam sekitar. Sumber-sumber asli kita kian meleset dengan cepatnya. Dijangka 12 tahun dari sekarang negeri kita tidak akan mempunyai apa jua kayu balak, petroliaam dan bijih. Sumber perikanan juga telah merosot akibat dari pencerobohan pukuk tunda *trawlers*. Pencemaran berbagai bentuk nampaknya makin bertambah. Jika keadaan ini berterusan, maka negeri kita akan menghadapi masalah keruntuhan ekologi serta krisis ekonomi.

SAM telah ditubuhkan untuk menentang pembinasan alam sekitar kita. Pertubuhan ini bertanggungjawab untuk membangkitkan isu-isu alam sekitar kepada orang ramai dan pihak-pihak berkuasa. Kami juga akan memberi bantuan kepada mereka yang telah menjadi mangsa pencemaran.

Kesedaran alam sekitar yang diterjemahkan menjadi dasar pemerintah merupakan penyelesaian tunggal kepada masalah alam sekitar kita.

NI: Tidak boleh dinafikan bahawa Encik Idris mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas. Bolehkah saudara mengulaskan sedikit sebanyak mengenai keadaan ekonomi sedunia yang ada kaitan dengan tenaga?

Idris: Ekonomi dunia kita sedang menghadapi suatu krisis di mana inflasi dan kemelesetan berlaku bersama-sama. Sebahagian besar daripada krisis ini adalah akibat kehabisan sumber-sumber asli seperti hutan, galian, tanah, air dan minyak.

Sebahagian besar sumber-sumber ini telah jatuh di tangan negara-negara kaya dan pembaziran berlaku apabila sumber-sumber ini digunakan untuk mengeluarkan bahan-bahan kemewahan seperti motokar dan hotel-hotel yang besar sedangkan orang ramai di negara miskin tidak mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asasi mereka seperti makanan dan pakaian.

Kemajuan perindustrian yang telah berlaku di negara-negara Barat dan Jepun adalah hasil dari kegunaan minyak yang murah. Sekarang harga minyak telah melambung tinggi dan minyak ini akan habis digunakan dalam 50 tahun lagi. Oleh demikian, langkah pembangunan negara-negara Barat dan Jepun tak boleh menjadi panduan lagi. Kita di Malaysia harus menyesuaikan diri mengikut keadaan dengan secepat mungkin. Krisis minyak yang dihadapi oleh manusia telah menyebabkan bangunan-bangunan tinggi, motokar-motokar persendirian, lebuh raya-lebuh raya dan gaya hidup moden kita menjadi sumbang. Manusia mesti kembali ke tanah, saiz bandaraya-bandaraya mesti dikurangkan dan kita mesti menolak teknologi intensif yang mahal dan bergantung kepada minyak, kepada teknologi kecil. Segala aspek kehidupan mesti diubahkan—pertanian, perindustrian, perancangan senibina, pengangkutan, alam sekitar, kesihatan. . . .

Segala aspek kehidupan kita mesti diubahkan—pertanian, perindustrian, perancangan senibina, pengangkutan, alam sekitar, kesihatan. . . .

NI: Adakah manusia sedia atau boleh menyesuaikan diri mengikut cara yang disyorkan oleh Encik Idris?

Idris: Perubahan dari yang lama ke yang baru memang merupakan suatu proses yang sukar dan mungkin pahit. Akan tetapi tidak lama lagi orang ramai akan sedar bahawa krisis minyak dan krisis ekonomi telah memaksakan terjadinya ini. Selepas berkurun-kurun menakluki dan menghancurkan alam semula jadi, sekarang manusia terpaksa cuba hidup dengan alam seperti ini.

KEMELESETAN EKONOMI SEKALI LAGI

Suria Hamid

Sejak awal tahun ini, ahli-ahli ekonomi dan beberapa pertubuhan antarabangsa telah meramalkan yang dunia kapitalis—iaitu negeri-negeri perindustrian seperti Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Jepun serta negeri-negeri sedang membangun yang mempunyai hubungan erat dengan negeri-negeri perindustrian ini—akan mengalami kemelesetan yang besar mulai di akhir tahun ini. Pada bulan Julai yang lalu penasihat-penasihat ekonomi kepada Presiden Carter telah pun menga-kui bahawa Amerika Syarikat telah mula berada dalam kemelesetan ekonomi. Mereka juga meramalkan yang lebih dari 1 juta pekerja di negeri itu akan kehilangan pekerjaan.

Berita-berita ini amat merunsingkan orang ramai kerana kemelesetan ekonomi adalah satu keadaan di mana jumlah jualan dan pengeluaran barang-barang akan mengalami kejatuhan yang berterusan dalam satu jangkamasa yang agak panjang. Dalam keadaan ini, majikan selalunya akan membuang sebahagian besar dari pekerja-pekerja di kilang mereka. Akibatnya, berjuta-juta pekerja akan menjadi penganggur dan keadaan hidup rakyat jelata menjadi lebih susah.

Kemelesetan Besar 1929

Malahan, berita-berita ini tidak dapat tidak akan membawa peringatan kita kepada pengalaman pahit berjuta-juta rakyat di dunia ini semasa zaman kemelesetan Besar (*Great Depression*) yang bermula pada bulan Oktober 1929, iaitu lima puluh tahun dulu.

Pada masa itu, banyak syarikat, kilang dan bank jatuh bankrap. Akibatnya lebih dari 25 juta pekerja

di seluruh dunia menjadi penganggur. Di Amerika Syarikat, lebih dari $\frac{1}{3}$ tenaga buruhnya menganggur. Barang-barang banyak yang tidak laku dan akibatnya, harga barang-barang telah jatuh dengan pesatnya.

Untuk menyekatkan kejatuhan harga barang-barang supaya mereka tidak mengalami kerugian, pihak pemodal telah memusnahkan barang-barang mereka. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat berjuta tan kapas dimusnahkan, di Kanada, berjuta-juta guni gandum dibakar dan di Brazil berjuta-juta tan kopi telah dicurahkan ke laut. Semua ini dilakukan pada masa berjuta-juta rakyat berada dalam keadaan kebuluran atau hampir kebulur.

Perkembangan Baru:

Kemelesetan Serta Inflasi.

Mengingatkan perkara-perkara ini, berbagai soalan akan timbul dalam kepala kita. Mungkinkah dunia akan mengalami keadaan yang serupa seperti keadaan di masa Kemelesetan Besar dulu? Kenapakah kemelesetan ekonomi sering berlaku? Bilakah kemelesetan eko-

nomi ini akan berakhir? Apakah kesannya ke atas ekonomi dan rakyat negeri ini?

Sejauh manakah kesan-kesan buruk Kemelesetan Besar akan berulang lagi agak sukar untuk diduga. Tetapi, terdapat satu perbezaan besar di antara kemelesetan ekonomi dulu dengan sekarang. Jika kemelesetan ekonomi dulu diikuti dengan kejatuhan harga barang-barang, kemelesetan ekonomi sekarang ini berlaku dalam keadaan di mana masalah inflasi—kenaikan harga barang-barang yang berterusan—masih merupakan satu masalah besar yang membebankan orang ramai.

Malahan, masalah inflasi merupakan satu ancaman besar kepada kestabilan ekonomi dunia. Kadar inflasi di Amerika Syarikat sekarang ini ialah kira-kira 13% setahun! Ini bermakna kemelesetan ekonomi sekarang ini akan lebih membebankan rakyat di seluruh dunia kapitalis. Di samping menghadapi harga barang yang semakin tinggi, para pekerja di negeri-negeri ini akan diancam pula dengan pembuangan kerja.



DR. BURHANUDDIN AL-HULAIMI

Cita-cita Seorang Nasionalis Melayu

Salihah Hj. Hassan

Nama sebenar Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi ialah Burhanuddin bin Haji Muhammad Nor. Beliau biasa disebut sebagai *Pak Doktor* sahaja. Pak Doktor adalah merupakan seorang pejuang kebangsaan yang unggul pada zaman sebelum dan sesudah Malaya merdeka. Dilahirkan di Changkat Tualang, Perak dalam bulan November 1911, dan dididik dalam suasana keislaman, beliau merupakan seorang Muslim yang wara', merendah diri dan amat bersederhana dalam kehidupan peribadinya.

Di zaman Pendudukan Jepun, beliau telah dilantik oleh Pihak Penguasa Jepun untuk menjawat jawatan yang tertinggi bagi seorang Melayu dalam pentadbiran Jepun, iaitu Penasihat Kebudayaan dan Adat Resam Melayu. Beliau ditempatkan di Ibu Pejabat Pentadbiran Tentera Jepun di Taiping, Perak. Semasa beliau memegang jawatan ini, beliau telah bertindak selaku penggerak utama kepada dua konferensi Islam yang telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Malaya dan Sumatra. Di akhir Pendudukan Jepun, pada tahun 1945, Pak Doktor telah muncul sebagai salah seorang pemimpin KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyediakan rancangan bagi kemerdekaan Malaya dalam konteks *Indonesia Raya* bersama dengan pemimpin-pemimpin Indonesia, Soekarno dan Hatta. Bagaimanapun, rancangan ini tidak terlaksana.

Dalam tahun 1946 Pak Doktor telah terlantik sebagai Presiden PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), sebuah Parti Melayu radikal yang berhaluan kiri di mana perjuangannya ialah untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dari British serta menegakkan kedaulatan Melayu. Beliau telah tetap sebagai presiden parti tersebut sehinggalah beliau digantikan oleh Ishak b. Haji Mohammad dalam tahun 1947. Penggantian ini adalah hasil daripada usaha di kalangan ahli-ahli PKMM yang lebih *militan*, terutamanya Ahmad Boestamam, pemimpin API (Angkatan Pemuda Insaf), iaitu cawangan pemuda PKMM. Kumpulan ini tidak puas hati dengan kepimpinan Pak Doktor yang *pacifist* dan berhati-hati (Boestamam, 1972: 32-35). Bagaimanapun, Pak Doktor sebenarnya terus juga mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan ahli-ahli parti menerusi jawatannya yang baru

sebagai Penasihat Agung PKMM. Pada tahun yang sama PKMM bergabung dengan lain-lain parti politik Melayu yang berhaluan kiri dan membentuk PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat). PUTERA pula membuat kerjasama dengan AMCJA (*All Malaya Council of Joint Action*), iaitu sebuah gabungan kumpulan-kumpulan politik bukan-Melayu yang berhaluan kiri. Pak Doktor telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bersama PUTERA-AMCJA. Gabungan PUTERA-AMCJA ini merupakan satu langkah yang *significant* dalam sejarah politik negara ini kerana ia merupakan gabungan pergerakan



Allahyarham Dr. Burhanuddin

politik Melayu dan bukan-Melayu yang pertama. Mereka menuntut *pemerintah sendiri* dari British dan menggubal *Perlembagaan Rakyat* yang dicadangkan sebagai perlembagaan asas bagi negara baru yang akan lahir itu.

Kemudiannya, di dalam tahun yang sama Pak Doktor telah menghadiri konferensi Asian Relations di New Delhi sebagai ketua perwakilan dari Malaya. Tujuan konferensi ini ialah untuk mengeratkan perpaduan di kalangan penduduk Asia yang sedang berjuang menghapuskan penjajahan. Ia telah dihadiri oleh nasionalis-nasionalis Asia seperti Pandit Nehru dari India dan U-Nu dari Burma.

di atas robohan kota Melaka
kita dirikan jiwa merdeka
bersatu padulah segenap baka
membela hak keadilan pusaka

Dr. Burhanuddin

Dalam tahun 1950, Pak Doktor telah ditahan oleh pihak British di Singapura kerana penglibatannya dalam rusuhan Maria Hertogh¹. Beliau telah dibebaskan dalam tahun 1953. Walaupun beliau kemudiannya terlibat secara aktif dalam penubuhan Partai Rakyat Malaya (1955), Pak Doktor tidak menjadi ahli mana-mana parti politik sehinggalah beliau menerima jemputan PAS (Parti Islam Se Malaya) dalam tahun 1956 supaya beliau menjadi Presidennya.

Antara tahun-tahun 1965 dan 1969 pula, beliau telah ditahan oleh kerajaan Malaysia atas tuduhan kegiatan-kegiatan anti-Malaysia. Beliau terus menjadi Presiden PAS sehinggalah beliau meninggal dunia pada 10hb. Oktober, 1969 ketika beliau berumur 58 tahun.

Cita-cita Seorang Nasionalis Melayu

Sebelum Pendudukan Jepun, Pak Doktor telah pergi ke India untuk menamatkan pelajarannya di bidang perubatan Homeopathy di Ismaeliah Medical College. Beliau merupakan anak Melayu yang pertama berjaya di bidang ini. Semasa di India, beliau telah mengikuti perjuangan anti-penjajah rakyat India secara dekat. Selepas menamatkan pengajiannya, beliau telah pergi melawat Palestin di mana beliau telah melibatkan diri dalam kegiatan anti-Pengisytiharaan Belfour. Kerana itu beliau telah ditahan oleh pihak British untuk beberapa bulan. Apabila beliau kembali ke Singapura dalam tahun 1938, beliau cuba mengusahakan sebuah akhbar anti-British bernama *Taman Bahgia*. Usaha ini gagal begitu sahaja apabila Pak Doktor telah ditahan oleh pihak British dalam masa satu setengah jam selepas penerbitannya.

Pengalaman-pengalaman awal Pak Doktor dalam kegiatan anti-penjajahan ini telah mengukuhkan keyakinan anti-penjajahan beliau seterusnya. Keyakinan dan kegiatan-

an-kegiatan ini tambah berkembang lagi di masa Pendudukan Jepun bila mana beliau dapat melahirkan secara bebas pandangannya yang anti-penjajahan British dan cita-citanya untuk kemerdekaan serta berpemerintahan sendiri. Malah bagi Pak Doktor sebarang kesan penjajahan di dalam orientasi intelek, pandangan falsafah, dan perlakuan ethika sesuatu kumpulan manusia adalah dianggapnya jijik. Ini dianggapnya sebagai *penjajahan halus*. Dengan itu, beliau memperjuangkan konsep *nasionalis tulen* di mana terdapatnya kemerdekaan dan kedaulatan yang tulen, baik dari segi zahir maupun batinnya; di mana kebudayaan dan orientasi intelek sekumpulan manusia itu hanya mencerminkan identiti nasionalnya yang tersendiri (Burhanuddin, 1954: 77-78).

Pak Doktor merasakan bahawa identiti nasional bagi Persekutuan Tanah Melayu haruslah mencerminkan keperibadian bumiputeranya. Malangnya, bumiputera ini telah terbiar dan ketinggalan di bidang ekonomi dan pelajaran sehingga mereka tidak mampu untuk memikul tanggungjawab sebagai elemen utama dalam perkembangan kebangsaan negara ini. Sememangnya menjadi dasar pentadbiran British membiarkan bumiputera dalam keadaan asalnya di bidang ekonomi dan kebudayaan. Akibatnya, 'anak Melayu di atas pertiwinya sendiri yang kaya-raya dan makmur seperti ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan' (Burhanuddin, 1946: 19). Bagaimanapun, nampaknya Pak Doktor tidak pula menyaramkan sesuatu program ekonomi yang khusus dan praktis untuk membaiki keadaan bumiputera ini. Sebaliknya, beliau nampaknya lebih banyak membicarakan konsep-konsep politik seperti nasionalisme, patriotisme dan identiti nasional. Tema beliau yang utama ialah *Kebangsaan Melayu*, *Hak Ketuanan Melayu*, dan *Melayu Raya*. Seolah-olahnya segala jawapan kepada masalah ekonomi dan sosial bumiputera akan tercapai secara spontan apabila asas-asas politik tersebut menjadi dasar negara ini.

Manakala balik penjajah ke negerinya bahawa negeri ini dibalikkan kepada tuannya.

Konsep *Kebangsaan Melayu* beliau tidaklah berdasarkan kepada bangsa keturunan, tetapi

'tiap-tiap seorang daripada apa puak atau bangsapun yang telah putus atau memutuskan perhubungan dan pertaliannya dengan kebangsaan asalnya lalu menumpukan taat setianya serta memenuhkan syarat dan kehendak kebangsaan Melayu maka jadilah ia berkebangsaan Melayu menurut istilah politik.' (Burhanuddin, 1954: 79).

Dengan lain perkataan barang siapa yang memilih untuk taat setia kepada Melayu dan berusaha ke arah mencapai serta merealisasikan aspirasi nasionalnya, adalah dianggap sebagai menghayati konsep *Kebangsaan Melayu* dalam ertikata politiknya. Oleh itu, *Melayu* hanyalah suatu istilah politik yang memberikan identiti

kebangsaan kepada warganegara Malaya sebagai menghormati bumiputeranya yang asal, iaitu *Melayu*. Sebaliknya,

'Tidak dapat dimasukkan seorang baka Melayu kepada Kebangsaan Melayu jika seseorang itu telah memutuskan daripada Kebangsaan Melayu dengan pilihannya sendiri dengan cukup keterangannya pula.' (Burhanuddin, 1954: 79).

Jelaslah bahawa *Kebangsaan Melayu* menurut Pak Doktor itu adalah patriotisme yang unggul terhadap Malaya (Tanah Melayu) tanpa menghiraukan perbezaan keturunan dan bangsa. Ia merupakan asimilasi politik terhadap kaum pendatang supaya Malaya mempunyai identiti dan keperibadian yang jelas dan tersendiri di dunia antarabangsa.



Dr. Burhanuddin sedang memberikan ucapan dalam SIDANG TERBUKA KONGRES PERTAMA PARTAI RAKYAT MALAYA DI DEWAN BANDARAN KUALA LUMPUR

Seterusnya, Pak Doktor memperjuangkan supaya kewarganegaraan negara ini dinamakan *Melayu*. Nama ini tidak seharusnya mempunyai sebarang implikasi keturunan tetapi hanya nama resmi kewarganegaraan Malaya. Beliau terus memperjuangkan konsep *Melayu* ini apabila beliau menjadi Ahli Parlimen, (1959-1964). Di Parlimen, beliau bertalu-talu berucap serta memperjuangkan

Sememangnya menjadi dasar pentadbiran British membiarkan bumiputera dalam keadaan asalnya di bidang ekonomi dan kebudayaan.

asas-asas politik yang sama. Ucapannya yang pertama ialah ketika beliau menyokong usul yang dibawa oleh seorang lagi nasionalis Melayu yang ulung, iaitu Datuk Onn bin Jaafar yang pada waktu itu adalah Ahli Parlimen bagi Kuala Trengganu Selatan. Usul tersebut meminta supaya ditegaskan bahawa rupa bangsa atau kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu mestilah disebut *Melayu*. De-

ngan kesungguhan dan keikhlasan yang sentiasa menjadi sifatnya, Pak Doktor bangun tiga kali untuk menyokong usul tersebut. Keyakinan pada waktu itu ialah bahawa samada diterima atau tidak usul tersebut, sejarah akan


Sebarang kesan penjajahan di dalam orientasi intelek, pandangan falsafah, dan perlakuan ethika sesuatu kumpulan manusia adalah dianggapnya jijik.

mengingat apa yang beliau perjuangkan di Parlimen negara ini. Bagaimanapun usul itu gagal dengan hanya menerima sokongan dari ahli-ahli Melayu dari parti-parti pembangkang. Pandangan umum berpendapat bahawa usul itu hanya akan mencetuskan permusuhan kaum.

Sebaliknya bagi pihak Pak Doktor, konsep kewarganegaraan *Melayu* dan idealnya mengenai *Kebangsaan Melayu* adalah jauh sama sekali dari tujuan mencetuskan permusuhan dan sengketa antara kaum. Bagi beliau, konsep itu adalah bertujuan untuk menjadi asas kepada satu perpaduan nasional yang unggul. Beliau tidak memperjuangkan dengan niat buruk terhadap cara hidup dan sifat-sifat peribadi bukan-bumiputera. Malah beliau menegaskan bahawa

'penukaran kebangsaan itu tidaklah turut bertukar darah baka dan bangsa keturunan sesuatu kaum kerana perkara ini termasuk di dalam kuasa perasaan dan tabii seseorang, tetapi kebangsaan itu termasuk di dalam kuasa undang-undang dan politik.' (Burhanuddin, 1954: 79).

Jelasnya sekalian sifat peribadi yang diwarisi turunturun itu tidak akan berubah oleh suatu perlakuan politik seperti memilih kewarganegaraan. Dengan itu *Melayu* adalah nama warganegara Persekutuan Tanah Melayu dengan tidak membezakan bangsa keturunan ma-



Pak Doktor memeriksa Barisan Pemuda PAS, tahun 1957. Sing-masing. Seterusnya setiap warganegara adalah *committed* kepada *Kebangsaan Melayu*.

Selaras dengan kehendak-kehendak ini, Pak Doktor seterusnya memperjuangkan supaya bahasa dan ugama negara ini ialah bahasa dan ugama bumiputeranya, iaitu Bahasa Melayu dan ugama Islam. Pak Doktor sebagai sifatnya seorang Muslim merasakan bahawa adalah sak-sama jika Islam menjadi ugama negara kerana bukan sahaja ia merupakan ugama utama bumiputera tetapi juga merupakan satu ugama yang toleran terhadap ugama-ugama lain, serta menjamin keadilan dan kebebasan bagi warganegara bukan-Muslim di bidang politik, sosial dan ekonomi. Dengan itu, setiap warganegara adalah terjamin keselamatan dan hak asasi masing-masing.

Jelaslah bahawa Pak Doktor menginginkan supaya Persekutuan Tanah Melayu mencerminkan keperibadian dan nilai-nilai bumiputeranya dalam keperibadian atau identiti kebangsaannya. Beliau juga menginginkan supaya ditegaskan perlembagaan negara bahawa Persekutuan Tanah Melayu ini adalah hak Melayu. Kedaulatan bumiputera ini mestilah diakui oleh lain-lain warganegara. Inilah yang dikatakan oleh Pak Doktor sebagai *Hak Ketuanan Melayu*. Berkaitan dengannya, pada 4hb. Oktober 1962, beliau telah berucap menyokong satu usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen Kuala Trengganu Utara, yang juga waktu itu Timbalan Pengerusi PAS, Haji Hassan Adli bin Haji Arshad. Usul itu berbunyi, 'Persekutuan Tanah Melayu dipunyai oleh bangsa Melayu dirakamkan dalam Perlembagaan Persekutuan.' Yang Berhormat tersebut dan Pak Doktor menegaskan ini adalah isu nasional dan bukan isu ras. Ianya diketengahkan dengan tujuan mengelakkan sebarang perselisihan fahaman di masa-masa akan datang di antara keturunan bumiputera dan keturunan pendatang asing yang telah *berkebangsaan Melayu*. Sesungguhnya Pak Doktor menganggap adalah satu keadilan politik jika pihak British memulangkan negara ini ke tangan bumiputeranya. 'Manakala balik penjajah ke negerinya bahawa negeri ini diba-

likkan kepada tuannya.' Ahli-ahli Parlimen UMNO berucap membangkang usul tersebut secara sederhana, mungkin demi menjaga 'perikatan' mereka dan pada waktu yang sama menjaga hati kaum Melayu yang mereka wakili. Sementara itu, beberapa ahli Parlimen yang bukan-Melayu pula mengecam usul tersebut sebagai 'nakal' dan 'racist'. Usul tersebut telah dikalahkan dengan undi terbanyak.

Puncak kepada cita-cita nasionalisme Pak Doktor ialah pembentukan *Melayu Raya*, sebuah negara yang merangkumi Segenting Kra hingga ke New Guinea, dan dari Sumatra hingga ke Kalimantan, menyatukan kesemua keturunan Melayu di rantau ini. Sesungguhnya beliau sentiasa menganggap Malaya, Singapura, Indonesia dan Filipina sebagai satu entiti politik dalam masyarakat antarabangsa, *Dunia Melayu*. *Dunia Melayu* yang telah dipecah-belahkan dan dibahagi-bahagikan oleh penjajah-penjajah. Namun begitu Pak Doktor yakin bahawa penyatuan kembali Dunia Melayu ini adalah satu ketetapan sejarah. 'Perahu lalu kiambang bertaut'.

Cita-cita politik Pak Doktor bagi negara dan rantau ini, dan konsep-konsep yang menjadi tiang seri kepada fahaman nasionalisme beliau terdapat dengan jelas dalam dua buah buku beliau, iaitu *Perjuangan Kita* dan *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Di dalamnya, beliau menerangkan dan membincangkan matlamat serta falsafah *Kebangsaan Melayu* serta konsep-konsep lain yang terbit darinya. Beliau telah memperjuangkan konsep-konsep serta falsafah ini di sepanjang hayat beliau dengan tidak jemu-jemu dan tidak gentar kepada sebarang tentangan. Malah di tahun-tahun 1940an, beliau telah dianggap oleh para pejuang kebangsaan Melayu yang radikal dan berhaluan kiri sebagai *Pembawa Obor Cita-cita Kebangsaan*.

Notakaki

1. Maria Hertogh, seorang gadis Belanda, telah dianak-angkatkan oleh satu keluarga Islam di Trengganu semasa ibubapanya pulang ke Belanda di awal Pendudukan Jepun. Dia telah dibesarkan sebagai seorang Islam. Setelah dia berkahwin dengan Mansur Adabi, ibunya yang sebenar telah menuntutnya kembali. Pihak berkuasa British di Singapura memutuskan bahawa ibunya itu berhak di sisi undang-undang untuk menuntutnya kembali. Keputusan ini telah menjadi punca kemarahan orang-orang Melayu yang beragama Islam. Kekacauan yang berlaku seterusnya telah merebak apabila ia menjadi rusuhan anti-British.

Rujukan

Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi. *Falsafah Kebangsaan Melayu* (edisi kedua). Bukit Mertajam, Disember 1954.
Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi. *Perjuangan Kita*. Singapura, 1946.
Ahmad Boestamam. *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur, 1972.

Keciciran:

Siapa Yang Patut Disalahkan?

Mohd. Daud

Pada tahun 1970, 275,562 kanak-kanak didaftarkan sebagai murid darjah satu di seluruh Malaysia. Mengikut anggaran, lebih kurang 15,000 kanak-kanak lain—iaitu hampir 5% dari jumlah kanak-kanak umur masuk sekolah—tidak didaftarkan.

Sembilan tahun kemudian, iaitu pada tahun ini (1979), hanya 175,990 didaftar akan mengambil peperiksaan SRP/LCE buat kali pertama pada bulan ini. Ini bermakna hampir 100,000 kanak-kanak sudah tercicir sebelum berpeluang mengambil peperiksaan berkenaan.

Pada awal tahun depan (1980), hanya lebih kurang 90,000 dari calon SRP akan mendaftar untuk Tingkatan 4. Ini bermakna bahawa hanya 31% dari kanak-kanak umur berkenaan akan berpeluang melanjutkan pelajaran pada peringkat sekolah menengah tinggi. Ramai lagi akan tercicir dalam peperiksaan SPM.

Baru-baru ini, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga* telah mengaku bahawa kadar ke-
ciciran pada peringkat sekolah rendah kian meningkat dalam tempoh 1975-1978 di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia (lihat jadual 1).

Segala hakikat ini jelas membuktikan bahawa krisis persekolahan di Malaysia kini adalah di peringkat sekolah rendah serta sekolah menengah. Masalah perebutan tempat di peringkat universiti hanya melibatkan segelintir dari generasi muda—lebih kurang 3% sahaja—yang kebanyakannya berasal dari keluarga yang berada.

Nasib Si Tercicir

Kanak-kanak yang malang ini akan merayau di kampung, panggung wayang, kaki lima, padang letak kereta dan merata-rata tempat di mana biasanya penganggur berkumpul. Mereka akan dipandang

rendah oleh setengah golongan orang ramai, kononnya kegagalan mereka itu membuktikan kebo-
dohan atau kemalasan.

Tetapi sebenarnya nasib mereka ini membuktikan kegagalan masyarakat kita menjamin keadilan untuk semua lapisan orang, sebab yang selalunya menjadi mangsa adalah terdiri dari kaum miskin.

Satu masalah yang dihadapi mereka adalah dari segi maruah. Seorang wartawan dari New Straits Times menggambarkan penghinaan yang dirasai oleh 4 bekas murid: 'Cikgu selalu merendahkan murid

NASIB MALANG

'KEHIDUPAN YANG PAHIT BAGI ANAK-ANAK YANG TERBIAR,'

'JAGA KERETA DITANGKAP', 'PEKERJA KANAK-KANAK: SIAPA HENDAK DISALAHKAN?'

Ini adalah sebahagian dari tajuk-tajuk berita dalam akhbar-akhbar tempatan berkenaan dengan masalah pekerja kanak-kanak di Malaysia yang kini menjadi fenomena yang terus berkembang. Sayang sekali, kesedaran yang ditimbulkan oleh berita-berita seperti ini hilang begitu sahaja, malah ketika berita itu sedang dibaca.

Ramai kanak-kanak Malaysia bekerja menjaja kuih, suratkhobar, buah-buahan dan lain-lain pada waktu mereka seharusnya berada di sekolah. Ramai juga yang bekerja sebagai jaga kereta ataupun 'pelayan' kedai kopi, hanya untuk mendapatkan beberapa ringgit sebulan. Satu kajian yang baru ke atas perusahaan-perusahaan kecil di Pulau Pinang menunjukkan bahawa kadar pekerja kanak-kanak dalam sektor ini adalah tinggi. Tanda-tanda menunjukkan bahawa sejumlah besar dari kanak-kanak itu adalah terdiri daripada murid-murid sekolah rendah yang tercicir.

Pekerja kanak-kanak ini ditindas sedemikian rupa. Mereka menerima gaji yang rendah serta dinafikan pula peluang untuk pergi ke seko-

Jadual 1

Peratus penduduk di Semenanjung berumur sekolah rendah yang tidak menghadiri sekolah

Negeri	1975	1978	perubahan 1975-78
Selangor	2.9	1.3	- 1.6
Johor	1.7	5.1	+ 3.4
Melaka	2.6	13.2	+10.6
Negeri Sembilan	4.2	10.8	+ 6.6
Pahang	4.4	0.9	-3.5
Perak	5.3	8.1	+ 2.8
Pulau Pinang	1.0	7.7	+ 6.7
Kedah/Perlis	3.6	7.8	+ 4.2
Kelantan	9.6	5.5	-4.1
Trengganu	7.9	7.3	-0.6

(Diubahsuaikan daripada jadual 5-4 dalam KSP, RM3, m.s. 83.)

miskin. Mereka paksa kami berdiri atas kerusi kerana kami tiada buku teks. Mereka buat kami malu bila bayaran yuran terlambat. Mereka suka menghinakan kami di depan teman-teman perempuan.' Itulah sikap buruk yang mereka alami dari setengah kalangan masyarakat yang tidak bersimpati pada kanak-kanak miskin.

Sudah dimaklum bahawa kebanyakan daripada murid-murid tercicir adalah dari golongan miskin. Masyarakat biasanya tidak adil sebab mereka serba kekurangan: tiada buku teks, tiada duit yuran

PEKERJA KANAK-KANAK

lah. Biasanya, tempoh kerja mereka sepanjang hari atau sampai larut malam. Pihak yang bertanggungjawab (Kementerian Buruh dan Kementerian Kebajikan Am) seolah-olah cuba mengelakkan tanggungjawab kepada kanak-kanak ini.

Masing-masing mendakwa pihak yang satu lagi bertanggungjawab atas kanak-kanak ini. Akibatnya, hampir-hampir tidak ada sebarang langkah yang diambil bagi melindungi anak-anak ini. Maka, beribu-ribu kanak-kanak dinafikan hak untuk menerima pelajaran. Mengapa? Jawapan yang nyata hanya didapati bila kanak-kanak berkenaan ditanya mengapa mereka bekerja dan tidak pergi ke sekolah.

Sebab yang biasa diberi ialah keluarga mereka tidak mampu untuk menghantar mereka ke sekolah dan memerlukan pendapatan dari kanak-kanak itu. Jadi, keadaan di mana upah seorang atau dua orang dewasa tidak mencukupi untuk menyara sebuah keluarga akan memaksa kanak-kanak keluar bekerja.

Tidak hairanlah keluarga-keluarga miskin ini mempunyai keluarga yang besar. Anak-anak yang ramai tidak hanya bermakna tanggungan menjadi lebih berat, tetapi juga lebih ramai yang boleh bekerja nanti. Selagi keadaan ini berlanjutan, selama itulah kita akan melihat pekerja kanak-kanak.

dan tiada berbagai-bagainya. Walaupun pelajar-pelajar tersebut mengecam kaum guru, masalah ini sebenarnya lebih luas lingkungannya.

Yang patut disalahkan ialah sistem pendidikan masyarakat kita yang menghasilkan pentadbiran birokratik, kemudahan-kemudahan yang serba kekurangan dan guru-guru yang tidak berdedikasi. Malahan banyak guru-guru yang jadi mangsa juga pada sistem yang sama, kerana gaji rendah, bilangan murid terlampau banyak dan sebagainya.

Yang 'Pandai' dan Yang 'Bodoh'

Dalam hal lain pula, adakah tepat bila bekas murid-murid ini dikatakan 'bodoh'? Kita boleh mempersoalkan gelaran 'pandai' dan 'bodoh' itu. Apakah 'kepandaian' itu bermakna pandai menghafalkan buku-buku teks dan seterusnya memuntahkan semuanya semasa peperiksaan? Apakah murid itu 'bodoh' sebab ia tidak suka menghafalkan pelajarannya?

Memang boleh dikatakan bahawa peperiksaan itu adalah satu ujian hafal-menghafal dan mengeluarkan balik sebanyak-banyak yang boleh. Akibat dari ini, hanya sedikit sahaja yang difahamkan oleh seorang murid apabila ia belajar. Tidak hairanlah jika keadaan ini berleluasa sebab peperiksaan kita lebih mementingkan hafal-menghafal untuk membuktikan 'kepandaian'.

Akan tetapi peperiksaan patutlah dijadikan satu ujian kehandalan seorang murid memahami masalah dan menggunakan ilmu yang dipelajarinya untuk menyelesaikannya. Matlamat ini tentu akan menggalakkan kanak-kanak kita menggunakan akal untuk memahami apa yang dipelajari mereka. Apabila guru-guru hanya menitik-beratkan hafal-menghafal dan masyarakat pula mementingkan sijil-sijil 'kepandaian', tujuan pelajaran yang sebenarnya bukan lagi untuk mencari ilmu bagi berkhidmat pada rakyat dan tanahair, tetapi hanya



DAUD (berumur 15 tahun), telah berhenti sekolah dan sedang bekerja.

satu proses mengasingkan yang bernasib daripada yang tidak bernasib, dengan melekatkan label-label 'pandai' atau 'bodoh' pada tiap-tiap pelajar.

Seorang pensyarah pendidikan di Universiti Malaya, Cik Safiah Osman pernah menonjolkan beberapa faktor tertentu yang menghalang murid-murid miskin di bangku sekolah. 'Ini termasuklah syllabus, sistem peperiksaan dan motivasi diri sendiri seperti kemiskinan, pengaruh dari kawan-kawan, peluang pekerjaan dan keadaan ekonomi, sosial dan politik.' Ia juga menegaskan bahawa faktor-faktor ini saling mempengaruhi dan tidak patut dikaji secara berasingan.

Dalam satu penyelidikan di kawasan Petaling Jaya pada tahun 1972, telah terbukti bahawa peluang seseorang dari golongan bawahan untuk meninggikan tarafnya amatlah tipis jika dibandingkan dengan peluang yang terbuka kepada seorang dari golongan atasan. Kesimpulan ini mendapat sokongan dari laporan selanjutnya oleh wartawan NST yang disebut awal-awal tadi.

Ia bercerita tentang kisah seorang bekas murid yang menolong bapa saudaranya menjual nasi lemak. Ia diberi 2 sen bagi tiap-tiap

bungkus yang dijualnya. Jarang sekali ia memperolehi \$2.00 sehari (iaitu 100 bungkusan). Dengan pendapatan yang agak rendah ini, ia berhasrat hendak menolong adiknya mengambil peperiksaan SRP tahun depan. Dan kalau ada peluang lagi, ia sendiri mahu mencuba sekali lagi menerusi sekolah swasta.

Kemungkinan ini tipis sebab ayahnya tidak mampu membayar yuran \$19 sebulan. Tetapi sebaliknya, sudah satu kebiasaan bagi seorang pegawai yang bekerja di Kuala Lumpur menghabiskan \$19 dalam seminggu hanya untuk perbelanjaan minyak kereta. Seorang lagi bekas penuntut segan hendak membebankan ayahnya yang sedang teruk menyara 4 orang anak-anak lain.

Sistem Pelajaran Mencerminkan Sistem Masyarakat

Berkaitan dengan ini, kecaman yang lebih serius ialah sistem peperiksaan sebenarnya merupakan satu 'sistem guguran', iaitu untuk memenuhi keperluan ekonomi masyarakat ini, sejumlah besar murid-murid terpaksa digugurkan dari bangku sekolah sebelum mereka dapat mencapai pelajaran tinggi. Struktur susun lapis masyarakat



Pekerja kanak-kanak sedang membuat paku

mendesak supaya ramai kanak-kanak tergendala sebelum mereka menikmati pelajaran tinggi.

Ini adalah kerana sebuah sistem pelajaran yang adil hanya akan dapat didirikan dalam masyarakat yang adil. Sistem ini yang tidak adil dapat memenuhi keperluan sistem masyarakat yang tidak adil. Maka sistem pelajaran mencerminkan struktur sosial seperti dalam masyarakat-masyarakat lain juga. Akibatnya ialah 'sistem guguran' tersebut yang mencicirkan beribu-ribu pelajar untuk diserapkan ke da-

lam kaum buruh dan tani.

Oleh yang demikian juga, sistem pelajaran tinggi di negeri ini adalah terhad kepada sebilangan kecil murid-murid sahaja. Misalnya, pada masa sekarang wujudnya 19 buah sekolah menengah yang berasrama penuh untuk murid-murid yang berbakat. Sekolah-sekolah seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar, Maktab Tengku Khursiah, Maktab Tentera Diraja, Maktab Rendah Sains MARA dan sebagainya didirikan dengan penuh kelengkapan untuk mengajar dan mendidik bakat-bakat penuntut.

Tetapi walaupun ini menelan belanja sebanyak 16 juta ringgit tiap-tiap tahun, sistem ini dapat menampung sebanyak 13,000 murid sahaja, iaitu, 2% daripada semua murid-murid di sekolah menengah seluruh Malaysia. Maka ternyata bahawa sekolah berasrama ini adalah satu sistem elitis untuk melatih segelintir kanak-kanak yang sudah dan terus akan berjaya. Cita-cita kerajaan untuk memupuk segelintir anak-anak Melayu bagi memegang jawatan tinggi pada masa depan akan tercapai, walaupun kebanyakan anak-anak Melayu lain akan tercicir di bangku sekolah dan terus hidup di kalangan kaum miskin.



MARY (berumur 12 tahun), bekerja di rumah orang pada waktu pagi dan pergi ke sekolah pada waktu petang.

என பிரச்சனைகள்

என குடியியல்களில் உள்ள ஒன்றாகவே டீரர்களில் நான்
 கிரண்டாவதாக விருந்தேன். எனபெற்றோர்கள் கண்களில்
 வேலை செய்ய காலையில் எழுந்து சென்று விடுவார்கள்.
 பிரினைகளையெல்லாம் நாங்களாகவே எழுந்து சென்று
 வெறும் கோவியை குடித்து விட்டு நானும் என்
 தம்பி தங்கைகளும் நாங்களை உதெதிக்கிகொண்டு
 பள்ளிக்குச் செல்லுவோம். பாடலையில் இருந்து
 மத்தியானம் வீட்டிற்கும் சென்றால் முதல் நாள
 கிரய சமைத்த உணவை சாப்பிட வேண்டும்.
 அதையும் வேறுமொன்று அளவு கிடைக்காது.
 எங்கள் பெற்றோர் சாயங்காலம் வீடு
 திரும்புவார்கள். நாங்கள் வீட்டு பாடல்கள்
 எழுதியும் கேட்டால் அவர்கள் கிளையில்
 சாப்பிட்டு விட்டு விடுவார்கள். என
 சாப்பிட்டு எழுதி யடிக்க தெரியாது.



Mageswari ialah seorang budak Malaysia keturunan India. Keluarganya sangat miskin dan tinggal di kawasan setinggan di Kuala Lumpur. Dia tulis karangan ini dalam bahasa Tamil.

தண்ணீர் வழியில்லாததால் கிணற்று
 நீர் எடுத்து வர வேண்டும். மின்சார விளக்கு
 கிடைக்காது. என்விளைய விளக்குதான் உபயோகிக்க
 வேண்டும் என தம்பி தங்கைகளை குளிப்பாட்டுவது
 அவர்களுக்கு உணவு கொடுப்பது தூங்க வைப்பது
 வேளாறு வேலைகளைச் செய்ய வேண்டும். உறுநாள்
 பள்ளிக்குச் சென்றால் எனக்கு தூக்கம் வரும்.
 பாடத்தை சரிவர கவனிக்கு முடியாது. மாத்தூதில்
 கிரண்டாக நூடகன்தான் வாங்கி சாப்பிட
 காசு கிடைக்கும். மற்ற நாட்களில் வீட்டில்
 ஒன்றாகவே கொடுக்க மாட்டார்கள். வாரத்தில்
 முன்று நாட்கள் என பள்ளியில் சிலவசமாக
 பாடும் ரொட்டியும் கொடுப்பார்கள்.



Apakah masa depan mereka?

Masalah Saya

Saya adalah anak kedua daripa-
 da jumlah 9 orang anak dalam ke-
 luarga saya. Ibumama saya ialah pe-
 kerja kontrek, dan awal-awal lagi
 mereka sudah tinggalkan rumah. Pa-
 da waktu pagi, kami adik-beradik
 bangun sendiri, minum kopi untuk
 sarapan pagi dan pergi ke sekolah.
 Pulang dari sekolah, kami makan
 makanan yang ditinggalkan dari ma-
 lam semalam dan kadang-kadang
 makanan ini tidak cukup untuk ka-
 mi semua. Ibumama kami balik pada
 waktu petang dan pada masa itu
 kalau kami minta pertolongan da-

lam pelajaran, bapa akan naik ma-
 rah. Ibu saya tidak tahu membaca
 atau menulis.

Kami tiada air atau bekalan let-
 rik dalam kawasan kami. Jadi, kami
 terpaksa angkat air dari telaga dan
 menggunakan lampu minyak tanah.
 Memandikan adik-adik, memberi
 mereka makan dan tidurkan mereka
 semua adalah tanggungjawab saya.
 Pada hari besok bila saya pergi ke
 sekolah saya rasa letih, mengantuk
 dan tidak boleh mengikuti pelajar-
 an saya. Kami dapat duit makanan
 hanya sekali atau dua kali sebu-
 lan dan di sekolah kami mendapat
 roti dan susu percuma tiga kali
 seminggu.

DASAR LUAR CHINA

Berasaskan Kepentingan Nasional atau Sosialis?

Mohd Ali Hanafiah

Revolusi China merupakan revolusi sosialis sulung yang berlaku di luar Eropah di bawah lambang menentang feudalisme serta imperialisme. Oleh demikian, kejayaan revolusi ini membawa kesan penting terhadap seluruh Dunia Ketiga, terutama sekali kepada Asia. Prinsip-prinsip dasar luar Republik Rakyat China mula diutarakan oleh Perdana Menterinya Chou Enlai di persidangan Afro-Asia yang pertama di Bandung pada tahun 1955. Negara China telah bersetuju menerima prinsip-prinsip persaudaraan antarabangsa antara negara-negara Dunia Ketiga yang dipersetujui di persidangan bersejarah itu.

Hubungan persaudaraan negara China dengan negara Soviet yang

ma yang damai' (*peaceful coexistence*) antara Soviet dengan Amerika Syarikat (AS) telah dikutuk. PKC dan PBA menganggap sikap itu sebagai pendirian berkompromi yang tidak mengharapkan, malah mengkhianati perjuangan-perjuangan pembebasan kebangsaan di Dunia Ketiga yang mengancam sistem imperialis yang diketuai A.S.

Pemulihan Kapitalisme di Soviet

Dengan teretusnya Revolusi Kebudayaan, China telah menganggap bahawa pemulihan kapitalisme sudah mula berlaku di Soviet. Walaubagaimanapun, sebelum penghujung tahun enam puluhan hanya A.S yang dianggap sebagai musuh utama rakyat sedunia.



Hua Guofeng dengan Presiden Tito-masa lawatannya ke Yugoslavia.

cukup rapat pada awal tahun lima puluhan telah mula merosot dengan kemunculan Krushev sebagai ketua negara itu. Polemik berpanjangan telah berkembang antara kedua negara besar itu sehingga pertengahan tahun enam puluhan apabila PKC telah mengikuti jejak Parti Buruh Albania (PBA). Setelah PBA memutuskan hubungan antara parti dengan Parti Komunis Soviet pada awal tahun enam puluhan PKC pun membuat demikian. Sebelum itu, sikap Krushev yang ingin mengutamakan 'kewujudan bersa-

Pada tahun 1969, dasar China telah berubah, barangkali disebabkan oleh serangan Soviet terhadap Czechoslovakia pada tahun 1968. Soviet bersama A.S. dianggap sebagai 'kuasa-kuasa besar' yang sama merbahaya. Beberapa tahun kemudian, bila pergaduhan sempadan dengan Soviet menjadi makin hebat dan setelah Nixon melawat China, Soviet pula dituduh sebagai 'musuh utama' kepada rakyat sedunia dan juga terhadap perdamaian. Atas alasan inilah, pimpinan China sekarang sedang bekerjasama dengan

A.S. serta negara-negara lain yang menentang Soviet untuk menyekat perkembangan pengaruh serta kuasa Soviet.

Teori Tiga Dunia

Dalam beberapa tahun belakangan ini pula, terutama sekali setelah kemunculan rejim sekarang, pucuk pimpinan China telah mengutarakan 'teori tiga dunia' sebagai asas pandangannya terhadap keadaan di seluruh dunia sekarang. Mengikut teori ini, dunia boleh dibahagikan tiga. Dunia pertama meliputi dua 'kuasa besar', iaitu Soviet dan A.S. Mengikut pandangan ini lagi, Dunia Ketiga mengandungi 'negeri-negeri sosialis serta negeri-negeri yang tertindas', iaitu seluruh Asia (kecuali Jepun), Afrika dan Amerika Tengah dan Selatan. Negeri-negeri maju yang lain—yang menindas Dunia Ketiga sambil ditindas oleh 'kuasa-kuasa besar'—menggogoi Dunia Kedua.

Mengikut teori ini lagi, dua pertentangan utama dalam dunia kini adalah antara 'kuasa-kuasa besar' sendiri dan antara Dunia Ketiga bersama Dunia Kedua terhadap



Tentera China—Menunggu perang dunia ketiga?

Dunia Pertama. Tambahan pula, China berpendapat bahawa perang dunia ketiga antara Soviet dengan A.S. tidak dapat dielakkan dan medan perang akan datang ini adalah Eropah. Perang ini akan disebabkan oleh pihak Soviet. Oleh itu, China sekarang menyokong pemimpin-pemimpin Eropah yang menentang Soviet semata-mata, tanpa mengira samada sikap itu berasaskan kepentingan imperialis sendiri masing-masing atau sebab-sebab lain.

Soviet: 'Ancaman Utama'

Mengikut 'teori tiga dunia', Soviet merupakan ancaman utama yang lebih berbahaya dan dahsyat atas beberapa sebab:

- 1) Soviet adalah lebih ganas kerana ia muncul lewat sebagai kuasa imperialis besar sedangkan dunia sudah dikuasai oleh kepentingan-kepentingan imperialis yang berkembang lebih awal.
- 2) Kerana Soviet masih lemah berbanding dengan A.S. dari segi ekonomi, ia akan memperkembangkan kuasa ketenteraannya untuk merampas harta negeri lain.
- 3) Oleh sebab ekonomi Soviet pernah dirancang pada zaman sosialis dahulu, selepas pemulihan kapitalisme, 'ekonomi kapitalis monopoli Soviet' mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan negara kapitalis lain.
- 4) Oleh kerana Soviet masih 'bertopeng sosialis', sifat sebenarnya lebih sukar dikenali orang. Maka, rakyat serta bangsa tertindas yang sudah mengenal imperialisme A.S. sanggup menentangnya, sedangkan mereka sanggup menerima bantuan Soviet yang akan memperangkap mereka pula.

Ada juga beberapa pihak lain yang mempersoalkan 'teori tiga dunia' ini pada pokoknya. Misalnya, bekas adik sefahaman China, Albania—sebuah negeri kecil di Eropah Tenggara dengan 2 juta penduduk,



Cyrus Vance (Setiausaha Negara A.S.) dengan Deng Xiaoping

iaitu 0.2% bilangan penduduk China yang pernah memutuskan hubungan dengan Soviet sebelum China sendiri pada awal tahun enam puluhan—telah mengecam teori ini. Mengikut Parti Buruh Albania (PBA), teori berkenaan telah mengetepikan 'pertentangan kelas' yang harus menjadi asas penganalisan keadaan dunia. Walaupun mereka masih berpendapat bahawa Soviet bersifat kapitalis dan imperialis, mereka mempersoalkan 'peranan progresif'. Dunia Kedua dan sifat Soviet sebagai 'ancaman utama'. PBA mendakwa bahawa penerimaan 'teori tiga dunia' ini akan mengakibatkan pengikutnya bersahabat dengan 'musuh kelas' mereka, terutama sekali 'imperialisme A.S. serta kunci-kuncunya.'

Ada golongan lain pula yang mempersoalkan samada dunia nyata begitu mudah dibahagikan seperti mengikut 'teori tiga dunia' itu. Mereka berpendapat bahawa penganalisan demikian boleh mengelirukan walaupun kewujudan perbezaan kepentingan serta pendapat yang diandaikan dalam teori itu tidak harus dinafikan semata-mata. Misalnya, pertentangan yang pada asasnya mencerminkan keadaan tempatan boleh disalah tafsirkan sebagai medan pertentangan antara kuasa-kuasa besar. Tambahan pula, usaha negara-negara Dunia Kedua untuk mempertahankan kepentingan mereka masing-masing boleh disalah anggap sebagai usaha bersa-

ma antara Dunia Kedua dengan Dunia Ketiga dalam menghadapi ancaman dari Soviet. Bagaimanakah harus kita mentafsirkan penglibatan tentera Perancis dan Belgium menyokong Mobutu di Zaire atau bantuan tentera Shah Iran kepada Sultan Oman bagi menghapuskan gerila-gerila yang menentangnya?

Walaupun perbahasan ini tidak akan diselesaikan kelak, ia sudah membawa ajaran yang amat penting kepada rakyat seluruh dunia, iaitu bahawa kita harus mengkaji dan menganalisa keadaan dunia dari kaca mata kita sendiri. Ini semestinya akan mengakibatkan perbezaan pendapat yang hanya akan dapat diselesaikan atas prinsip serta hak bangsa dan rakyat yang sebenarnya adil berdasarkan kepada kepentingan rakyat jelata sedunia.



Deng—Akitik Dasar Luar China?

HAK KANAK-KANAK

Pada 20hb. November 1959, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima Pengisytiharan Hak Kanak-Kanak dengan sebulat suara.

Prinsip 1: Kanak-kanak harus menikmati semua hak yang tercatat dalam Pengisytiharan ini. Semua kanak-kanak, tanpa sebarang kecualian, berhak menikmati demikian, tanpa perbezaan atau diskriminasi kerana ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pendapat politik atau pandangan lain, asal-usul bangsa atau sosial, harta benda, taraf kelahiran atau taraf lain, samada bagi diri sendiri atau keluarganya.

Prinsip 2: Kanak-kanak harus menikmati perlindungan khas, dan patut diberi peluang serta kemudahan, melalui undang-undang atau cara lain, untuk membolehkannya membangunkan dirinya dari segi jasmani, akal, akhlak, rohani serta sosial melalui cara yang sihat dan biasa dalam keadaan yang bebas serta dihormati. Dalam pengubalan undang-undang bagi tujuan ini, kepentingan kanak-kanak yang mulia harus diberi perhatian utama.

Prinsip 3: Kanak-kanak berhak mempunyai nama serta kewarganegaraan dari waktu lahir.

Prinsip 4: Kanak-kanak harus menikmati faedah dari keselamatan sosial. Ia berhak membesar serta membangun dalam keadaan sihat; bagi tujuan ini, jagaan serta perlindungan istimewa harus diberikan kepadanya serta ibunya, termasuk jagaan sebelum dan selepas bersalin. Kanak-kanak harus berhak mendapat pemakanan, perumahan, rekreasi serta perkhidmatan perubatan yang mencukupi.

Prinsip 5: Kanak-kanak yang cacat anggota, otak atau dari segi sosial harus diberi rawatan, pelajaran serta jagaan istimewa yang perlu kerana sifatnya.

Prinsip 6: Kanak-kanak memerlukan kasih sayang serta timbangrasa untuk membesar dengan kewibawaan yang lengkap. Ia harus membesar di bawah jagaan serta tanggungjawab ibubapa di mana mungkin, dan sekurang-kurangnya dalam suasana kemesraan dan jaminan dari segi moral serta kebendaan; seorang kanak-kanak muda tidak patut dipisahkan daripada ibunya, kecuali dalam keadaan luar biasa. Masyarakat dan pihak pemerintah awam bertanggungjawab menjaga kanak-kanak tanpa ke-

larga serta mereka yang tidak mempunyai nafkah yang mencukupi. Bantuan dari negara serta bantuan lain terhadap sara hidup kanak-kanak dari keluarga besar amatlah diingini.

Prinsip 7: Kanak-kanak berhak mendapat pelajaran yang percuma dan wajib, sekurang-kurangnya pada peringkat dasar. Ia harus diberi pelajaran yang akan meningkatkan kebudayaan amnya serta menggalakkannya dengan peluang yang adil, meningkatkan kebolehannya, pertimbangannya, tanggungjawab moral serta sosialnya di samping menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Kepentingan kanak-kanak harus menjadi prinsip panduan bagi mereka yang bertanggungjawab atas pelajaran serta pengasuhannya; dan tanggungjawab utama terletak pada ibubapanya.

Kanak-kanak harus mempunyai peluang sepenuhnya untuk bermain dan rekreasi yang patut disalurkan ke tujuan yang serupa dengan matlamat pelajaran; masyarakat serta pihak pemerintah awam harus cuba memajukan kemudahan berkenaan.

Prinsip 8: Kanak-kanak harus menjadi antara golongan pertama yang mendapat perlindungan serta bantuan dalam semua keadaan.

Prinsip 9: Kanak-kanak harus dilindungi dari segala jenis kecuaiian, kekejaman serta penindasan. Ia tidak patut menjadi mangsa sebarang jenis perdagangan.

Kanak-kanak tidak patut dibenarkan bekerja untuk upah sebelum umur minima yang wajar; ia tidak patut dipaksa atau dibenarkan mengambil sebarang pekerjaan yang boleh mengancam kesihatan atau pelajarannya, atau mengganggu pembesarannya dari segi jasmani, akal atau moral.

Prinsip 10: Kanak-kanak harus dilindungi dari amalan-amalan yang boleh menggalakkan diskriminasi dari segi ras, agama atau jenis lain. Ia harus dibesarkan dengan semangat timbangrasa, kesabaran, persahabatan antara insan, aman serta persaudaraan sejagat dan dengan penuh kesedaran serta bakatnya harus disalurkan untuk berkhidmat kepada umat insan yang lain.

SENI ANAK-ANAK PELARIAN PALESTIN

Gambar-gambar dan sajak-sajak ini ditulis oleh kanak-kanak Palestin yang tinggal di khemah-khemah orang pelarian di Timur Tengah. Gambar-gambar dan sajak-sajak ini membayangkan pengalaman pahit di khemah-khemah itu serta harapan mereka untuk kembali ke Palestin di masa hadapan.

Di khemah-khemah itu mereka mengalami pengalaman jauh berbeza dari kanak-kanak lain seperti serangan-serangan dari musuh, kelaparan dan berbagai masalah lain.

*I was a child at the time
nine years old
living through the disaster.
I was a lamb with dreamy eyes
surrounded by thousands of snares.
The day my mother, embarrassed, told me,
'Do not take off your clothes tonight
before going to sleep,
and do not take off your shoes!'
I did not understand what she meant exactly,
but I wept.*

Sameeh al-Qassim





Nimer Jahjah Harfouche 9 tahun




*When I was young and beautiful,
The rose was my home,
and the fountains thirst.
(The rose became a wound
and the fountains thirst).
— Have I changed a great deal?
— I have not changed much.
When we return, like the wind, to our home,
you will find the roses palm trees.
Gaze into my forehead,
you will find fountains become sweat,
you will find me as I was,
young and beautiful!*

Mahmoud Darweesh



Moustapha Hassan Zaydan
9 tahun



Basam Issam Ahmad
14 tahun



Ibtissam Ahmed Rachidi
14 tahun



HIKAYAT HAWA

HANYA SEBENTAR GUNUNG TERTIDUR


*Akan tibanya masa gunung bergempar
Aku katakan begitu, walau orang lain meragu
Hanya sebentar gunung tertidur
Dulu
Semua gunung-gunung gempar berapi
Namun kau tak percaya
Wahai saudara, percayalah ini
Semua wanita lena akan bangun
bergerak*

*Yosano Akiko
1911*

Kenapa wanita terperangkap diceruk dapur?
Mengapa wanita bertugas 'menghayun buaian?'
Bagaimanakah kembangan kepercayaan serta fahaman?
Tetapi apakah demikian keadaannya . . . sejak manusia menjejakkan kakinya di bumi ini?
Ahli-ahli kajipurba, antropologi dan falsafah pernah mengkaji serta mengemukakan teori mengenai ini. Kami sudah mengkaji apa-apa yang telah mereka selidik dan kemukakan. Sekarang kami pula yang membentangkan pendapat, walaupun tidak semuanya original, mengenai

'BAGAIMANAKAH SEMUANYA BERMULA?'
Cerita kami disampaikan melalui bentuk yang mudah. Ia meliputi jangka masa beratus ribu tahun.
Watak lelaki dan wanita dalam kisah kami bukanlah orang perseorangan. Di permulaan cerita, mereka mewakili para lelaki dan para wanita. Di bahagian akhir pula, mereka mencerminkan nilai sosial serta kepercayaan, kebudayaan yang berleluasa pada zaman itu.

HIKAYAT HAWA MULA DIRIWAYATKAN SEJAK LAHIRNYA INSAN . . .



PADA MULANYA ADA WANITA DAN LELAKI. MEREKA MEMBENTUK MASYARAKAT PRIMITIF BERSAMA-SAMA MEMIKUL BEBAN MENCARI MAKAN. LELAKI MEMBURU BINATANG BESAR SEMENTARA WANITA MEMUNGUT MAKANAN DARI TUMBUH-TUMBUHAN DAN MENJERAT BINATANG KECIL...

PERHUBUNGAN ADALAH SAMARATA.



SUMBER MAKANAN YANG LEBIH STABIL IALAH TUMBUH-TUMBUHAN — DARI WANITA. KADANG-KADANG ORANG LELAKI KELUAR HINGGA BERBULAN-BULAN DAN...




OLEH KERANA WANITA TINGGAL LEBIH LAMA DI SESUATU TEMPAT, DIA DAPAT MEMERHATI DAN MEMPELAJARI DARI KEADAAN SEKELILINGNYA, DARI ALAM...


SEPERTI ANYAMAN...

DAN YANG LEBIH PENTING LAGI IALAH PERTANIAN...

SEMASA MENCABUT POKOK-POKOK, SECARA KEBETULAN TANAH MENJADI LONGGAR DAN BENIH TERSAMAI, DAN DENGAN TIDAK SENGATJA MENUMBUNKAN TUNAS BARU...




DARI PERHATIAN SELUMPAMA ITU, WANITA BELAJAR...




MENDAM SEMULA, ... MEMBUANG RUMPUT, ... DAN MELINDUNGI TUMBUHAN. INI ADALAH FERMULAAN PERTANIAN.

BILA HAIWAN YANG CEDERA TERPERANGKAP ATAU DIBAWA PULANG DARI PERBURUAN, TERUTAMA HAIWAN YANG MASIH MUDA...


WANITALAH YANG MULA MENEMUI HAL PERTERNAKAN HAIWAN




MERUKA BELAJAR MENGENALI BERBAGAI-BAGAI JENIS HAIWAN....



DAN MEMPELAJARI PEMBIAKAN ...



SEMASA MEMBURU, SI
LELAKI SELALU BERGERAK
DARI SATU TEMPAT KE
TEMPAT LAIN DAN
BIASANYA IA
TERPAKSA BERDIAM.



SAMBUNGAN BULAN DEPAN

SPYROS: NOT A GREEK TRAGEDY

Mary Ling

76 people were killed & 70 others injured aboard the oil tanker, Spyros on Oct 12 last year. The Greek-owned 36,000 ton tanker was undergoing repairs at Jurong Shipyard when the explosion—reported to be the worst disaster in Singapore's post war history—occurred. On that ill-fated day, about 100 workers were in the boiler room of that tanker when a searing explosion and flash fire swept through the boiler and engine room. Some mercifully died on the spot while others passed away in ambulances or on arrival at hospitals. Many of the injured were severely burnt. One year later, we must


remind ourselves of why it happened. What are the lessons to be learnt from the Spyros tragedy?

To begin with, the Singapore shipbuilding and repairing industry grew from 25 shipyards employing 5,000 workers in the early 1960's to 60 shipyards employing 26,000 workers in 1975. Over the decade 1967-1977 (see graph), the total number of occupational accidents increased by 120%! One in every 73 industrial worker was either killed or injured. The shipbuilding & repairing industry reports the highest number of accidents among all the industries. For example, in 1976, 1095 accidents occurred

among a shipyard workforce of about 26,000; which means that a shipyard worker faced an accident risk of 1 in 24 that year. Jurong shipyard—the biggest dry-dock repairing facilities in Singapore—has a notorious accident record: 5 men died in an explosion on a barge in 1977, 13 were killed by poison fumes on board the Iron Bulkgate in 1974 and in May 1978, 3 more died in similar kinds of accidents.

Various committees have been formed, legislation passed and measures taken to prevent industrial accidents in Singapore over the past few years. But, in spite of all these laws and other efforts at improving industrial safety, the number of industrial accidents has not decreased.

A young shipyard repair engineer has claimed that he faced the risk of accident everyday especially during rush jobs or overnight work. A factory inspector has expressed that he was risking his life everytime he went on board a ship.





Survivors recall their close shave with death

A shipyard laborer felt that he was exposing himself to high risks in his shipyard but if he were to work elsewhere his wage would be lower.

The shipbuilding and repair industry caters to the international market and is an extremely competitive industry. In order to compete with other countries and to maximise profits, the Singapore shipyards speed up projects and cut down costs. In June 1977, Mr. Low Guan Onn, the joint managing director of Jurong shipyard, announced that ship repair works would have to tighten their belts and make a concerted effort to repair ships in the shortest possible time. His reasoning was that as Singapore shipyards could not compete with advanced countries like Japan in the quality of work and with Korea and Hong Kong, where labour costs are half that of Singapore's, they would have to repair ships in the shortest possible time 'otherwise we will lose out to the other

ship-repairing countries.'

Having to do rush work is a major factor in shipyard accidents working under a tight schedule, safety personnel do not have enough time to check thoroughly for faults, or even to be at every area where they are needed. Workers who are pressurised to complete a job within a short time are forced to overlook certain safety precautions and procedures. While the company obtains more orders and reduces costs—by being able to complete jobs in short periods—accidents occur, causing deaths & injuries.

Shipyards in Singapore are making profits. The net operating profit of Jurong Shipyard rose from \$748,338 in 1966 to \$13,387,079 in 1975, an almost 18-fold increase. Revenue is also soaring high for Sembawang Shipyard, where pre tax profit in 1977 came to \$27.35 million, up 6% from the previous year's \$25.76 million. Vosper Singapore Shipyard made a

pretax profit of \$5 million in 1977.

Undoubtedly, the pressure to work faster and the reduction of costs has led to a fall in safety standards and a rise in company profits. The Spyros accident shows us that educational campaigns, speeches and regulations cannot reduce the number of industrial accidents if the race for profits takes precedence over human lives. A safer working environment can only be achieved by a basic reallocation of industrial revenue towards safety and health measures for the workers; and through a shift in priorities: from an orientation towards profit making to one more concerned with the welfare of workers. The Singapore economy—like all others—has prospered on the blood, sweat and tears of the workers, many of whom are from Malaysia (especially in the construction and shipyard industries). The fruits of their labour, however, remain bitter.

SAINS: Ke Mana Hendak Dituju?

J. C. Huang

Ketika *Skylab* bertunggang langgang menerpa dunia kita dan akhirnya menghempaskan diri dan berkecai di tanah Australia, saya duduk termenung dan cuba menggambarkan reaksi berjuta-juta manusia terhadap peristiwa ini. Apakah sebenarnya *Skylab* ini? Mengapa pula kejatuhannya menggemparkan seluruh dunia? Adakah benda ini mempunyai keistimewaan untuk mengubah sikap dan periuk nasi rakyat jelata?

Ada kemungkinan besar pula seorangpun tidak ambil peduli, khususnya pada golongan miskin di dalam benua Asia, Afrika dan Latin Amerika. Kerja di ladang, di badan perusahaan dan di rumah tetap dilakukan dengan penuh keazaman.

Sebenarnya *Skylab* adalah suatu

rekaan manusia yang boleh dianggap sebagai lambang permodenan dan kemajuan sains dan teknologi. Malangnya kita masih tidak mampu memahami apakah matlamat asalnya dan, mengapa curahan berjuta-juta ringgit dilakukan, walhal sebahagian besar manusia di dunia ini mati kebuluran dan menempuhi serangan penyakit. Mengapa pula mutu sains dan teknologi mesti dipisahkan dari mutu kehidupan?

Sains Untuk Siapa?

Mungkin peristiwa ini boleh digunakan sebagai akar tunjang untuk kita bersama berbincang dan mengkaji semula peringkat, kemajuan sains. Titik pertanyaan kita adalah, mengapa segelintir manusia sa-

haja dapat mengetahui dan menikmati rahmat kemajuan sains? Adakah menjadi hukum alam bahawa kemajuan sains mesti mementingkan teknologi dan meninggalkan jauh ke belakang kemajuan kemasyarakatan seperti sosial, ekonomi dan politik? Benarkah sifat dan aliran sains telah dikongkong oleh golongan yang mempunyai hinggakan tamadun sains menggambarkan tamadun keselesaan golongan yang berada? Seterusnya bolehkah kita mengatakan sains telah diperalatkan untuk menindas dan meningkatkan keuntungan? Sering pula rancangan yang memakan belanja yang mahal mendapat keutamaan (seperti sumber tenaga dari reaktor nuklear) walaupun ikhtiar lain masih boleh dilakukan untuk mengurangkan belanja (seperti sumber tenaga dari pancaran matahari).

Keadaan yang merunsingkan ini tidak semestinya kekal dan masih boleh diubahsuakan lagi. Perkara yang penting di sini adalah kita jangan pula menyalahkan bidang sains itu sendiri. Yang menjadi punca masalah ini adalah individu ataupun golongan yang menggerakkan jentera sains demi kepentingan mereka sendiri.

Pemisahan sains dari rakyat jelata serta cemburu untuk membolot keistimewaan sains lambat laun telah merosotkan semangat rakyat untuk ingin tahu. Oleh itu masalah 'sains untuk siapa?' harus dipertikaikan dengan lebih mendalam lagi. Inilah masanya untuk kita merujuk kembali kepada jalan asal dan menentukan haluan perkembangan sains melalui panduan dari penganalisaan terhadap sifat-sifat kejayaan dan kegagalannya. Dan tindakan yang utama adalah untuk melucutkan sifat keramat (*demytify*) sains itu sendiri. Memang menjadi suatu percanggahan bila pada ketika dahulu perkara dan kegiatan yang aneh dapat dipertikaikan melalui sains. Tetapi sekarang didapati bahawa sains pula menjadi suatu keanehan. Justeru itu apabi-



la kita berjaya menguasai sains, maka kita dapat menimbulkan semangat perhubungan sosial yang tulin di peringkat individu, keluarga, kelompok, masyarakat dan negara.

Sains Telah Lama Digunakan

Memang tidak boleh dinafikan bahawa datuk moyang kita telah lama menggunakan sains. Semenjak petir dan hali-lintar menyambar tumbuhan di bumi hingga menyebabkan kebakaran, mereka telah membuat suatu peninjauan terhadap sifat api tersebut. Selepas mendapat kenyataan asas, mereka telah bertindak untuk menguasai dan menggunakannya. Melalui peninjauan, pengumpulan kenyataan, kesimpulan dan tindak lanjut mereka telah mengamalkan cara saintifik yang tulin.

Walau bagaimanapun kita harus jangan seronok sendiri pula kerana ada kalanya tanggapan salah berlaku terhadap sesuatu kejadian. Maka keputusan yang dianggap saintifik sebenarnya tidak saintifik. Per-



nah pula berlaku, ada segolongan manusia sengaja memutarbelitkan kenyataan demi kepentingan diri sendiri. Pendapat yang berbau kegemparan (*sensationalism*) dan tidak tepat boleh menyebabkan berbagai-bagai penyelewengan. Kegiatan yang tidak saintifik ini bukan sahaja boleh menjahanamkan diri sendiri tetapi juga boleh meruntuhkan sesuatu masyarakat.

Kekurangan Pengetahuan Menyebabkan Sikap Emosional

Ruangan sains ini telah disediakan dengan tujuan untuk mendekatkan lagi para pembaca dengan perkembangan sains dan teknologi, khasnya dari segi sejarah perkembangan sains, falsafah sains dan hubungan dengan tekanan lingkungan di dalam masyarakat kita sendiri. Isu-isu sains yang bercorak umum dan perincian akan dibincang dan dianalisa dengan menggunakan prinsip-prinsip yang saintifik. Seterusnya dengan adanya pendi-

dirian yang teratur maka seseorang itu boleh menganalisa sesuatu masalah dengan lebih teliti dan objektif. Sebaliknya sikap emosional dan kurang objektif sering berlaku disebabkan oleh kelemahan dari segi kekurangan pengetahuan dan penganalisaan yang tidak saintifik.

Sebaliknya, sikap emosional dan kurang objektif sering berlaku disebabkan oleh kelemahan dari segi kekurangan pengetahuan dan penganalisaan yang tidak saintifik.

Sebagai rumusan, segala amalan sains yang mengukuhkan keagungan rakyat dan segala penyelewengan akan dikupas dan dibincangkan. Dengan adanya pengertian seperti ini, kita dapat mara ke hadapan dengan penuh keyakinan ke arah suatu sistem demokratik yang tulin yang menjadi idaman kepada rakyat jelata.



HARGA MINYAK NAIK SEKALI LAGI

Suria Hamid

Pada 30hb. Ogos yang baru lalu ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, telah sekali lagi mengumumkan kenaikan harga semua minyak (iaitu minyak petrol, diesel dan minyak tanah) di negeri kita. Ini merupakan kenaikan harga semua minyak yang kedua pada tahun ini. Harga semua minyak telah dinaikkan pada 4hb. Jun yang baru lalu (lihat *Nadi Insan* 4).

Pengilang Masih Untung

Menurut pengumuman yang baru ini, harga segelen petrol premium dinaikkan lagi sebanyak 21 sen (6%), petrol biasa sebanyak 25 sen (8%), diesel sebanyak 10 sen (8%) dan minyak tanah sebanyak 20 sen (18%) (lihat Jadual 1). Mendengar pengumuman ini, orang ramai di negeri ini sungguh merasa keciwa. Dengan kenaikan harga yang baru ini, belanja hidup mereka akan melambung naik lagi. Masalah ini akan lebih dirasakan oleh penduduk miskin yang banyak menggunakan minyak tanah. Sebaliknya tindakan menaikkan harga semua minyak masih lagi menguntungkan pi-

hak pengilang. Harga diesel dan minyak tanah yang mereka bayar sekarang masih lebih rendah daripada harga sebelum 4hb. Jun 1979 (lihat Jadual 2)

Syarikat Minyak Untung

Di samping itu, syarikat-syarikat minyak juga telah berjaya mengalihkan kesan kenaikan harga minyak

sen kepada 45 sen segelen, manakala untuk minyak tanah dari 25 sen kepada 51 sen. Pihak kerajaan juga telah bersetuju memberi perlepasan cukai surtax 5% kepada syarikat-syarikat minyak. Akibat dari pemberian subsidi dan perlepasan cukai ini, pihak kerajaan terpaksa menanggung belanja dan kerugian cukai sebanyak \$341 juta.

Rakyat Rugi

Semasa menaikkan harga minyak pada bulan Jun yang lepas DS Dr. Mahathir telah menyatakan bahawa kenaikan harga minyak adalah perlu untuk mengelakkan kekurangan bekalan minyak. Walaupun harga semua minyak telah dinaikkan, tetapi bekalan minyak diesel masih

Jadual 2: Kenaikan Harga Minyak Bagi Para Pengilang

	Harga sebelum 4/6/79 (segelen)	Harga selepas kenaikan perta- ma (segelen)	Harga baru (segelen)	% Perubahan sejak 4/6/79
Diesel	1.40	1.20	1.30	- 7.14%
Minyak Tanah	1.75	1.10	1.30	- 25.71%

dalam pasaran antarabangsa kepada rakyat negeri ini. Mereka bukan saja telah dapat menaikkan harga semua minyak tetapi telah juga berjaya memperolehi peruntukan subsidi yang lebih besar serta perlepasan cukai dari pihak kerajaan Malaysia. Menurut Dr. Mahathir, subsidi untuk diesel telah dinaikkan dari 33

kekurangan sehingga harga semua minyak dinaikkan lagi. Oleh itu rakyat sekarang ini sungguh merasa gelisah. Mereka bukan saja kluatir yang harga minyak akan naik lagi, malahan mereka merasa yakin yang harga barang-barang lain juga melambung dan pasti akan menambahkan beban hidup mereka.

Jadual 1: Kenaikan Harga Minyak Bagi Orang Ramai

	Harga Sebelum 4/6/79 (segelen)	Harga Selepas Kenaikan Per- tama (segelen)	Harga Baru sejak 30/8/79 (segelen)	% kenaikan sejak 30/8/79	% Kenaikan sejak 4/6/79
Petrol Premium	\$3.38	\$3.48	\$3.69	6.03	9.17
Petrol Regular	\$3.00	\$3.10	\$3.35	8.06	11.67
Diesel	\$1.18	\$1.20	\$1.30	8.33	10.17
Minyak Tanah	\$.82	\$1.10	\$1.30	18.18	58.54

Pencak Langkah

BUKTI BAHAWA UMNO TIDAK MEMPERJUANGKAN KEMELAYUAN YANG SEMPIT (SEPERTI APA YANG DITUDUH OLEH BEBERAPA MUSUHNYA)

Tiga 'cerita pendek' di bawah ini telah dipendekkan lagi untuk memudahkan pembaca menangkapnya dan juga memudahkan para penyelidik sejarah, sastera, politik dan kemasyarakatan membuat kajian.

Kisah 1

Seorang tokoh besar UMNO baru saja kembali dari Pulau Pinang dan seperti biasa tempat berbualnya di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Singkatannya begini:

Teman Tokoh: Apa macam Penang? Seronok?

Tokoh (matanya mengikuti punggung pelayan yang membawa minuman): Seronok juga.

Teman Tokoh (Faham akan pandangan mata Tokoh): Bukan saya tanya hal itu. Saya tanya tentang mesyuarat Bahagian Tanjung.

Tokoh: Oh, mesyuarat Bahagian Tanjung? Dahsyat, saya tak faham langsung apa yang dicakapkan.

Teman Tokoh: Memanglah. Loghat Penang depa tu teruk benar. Saya sendiri yang lama di Penangpun tak dapat tangkap.

Tokoh: Loghat Penang apa? Dia orang cakap Tamillah!

Teman Tokoh: (tersembur brandy yang baru ditugunya).

Kisah 2

Setelah berucap berpanas-panas selama setengah jam lebih, seorang tokoh tua UMNO—seperti selalunya—menamatkan ceramahnya dengan menjeritkan beberapa cogankata yang biasanya akan mendapat sambutan tepukan maha hebat. Tetapi kali ini, tokoh tua itu terperanjat maha besar. Tidak ada tepukan langsung dari hadirin yang ramai itu. Malah, wajah para hadirin anggota UMNO ada semacam kehairanan seperti tak mengerti akan erti cogankata tersebut. Hanya ada seorang dua di barisan para pemimpin di pentas yang bertepuk.



Bila tokoh tua UMNO itu duduk kembali di kerusinya dengan wajah murung, sahabat setokohnya berbisik: 'Sorrylah, Don. Information kita tadi silap. Ceramah kawasan Jawa esok, bukan hari ini. . . .' Maka nampaklah telinga tokoh tua UMNO itu merah menyala-nyala. . . .

Kisah 3'

Mengikuti sebuah laporan akhbar baru-baru ini, beberapa orang keturunan China di sebuah kampung di Ulu Kelantan pernah memohon untuk menjadi anggota cawangan UMNO kerana di tempat mereka tidak terdapat cawangan MCA. Semangat orang-orang China di situ begitu besar untuk menyokong kerajaan Barisan Nasional (bukan menyokong MCA).

Demikianlah tiga cerita yang disebutkan ini sebagai wakil dari seribu cerita yang membuktikan bahawa UMNO memperjuangkan kemelayuan yang maha luas itu.

Bukti yang konkrit—yang tak dapat disangkal—yang nyata di depan mata kita (maaf, kami bukan nak mengampu UMNO) ialah tentang pucuk (yang tak pernah layu dan mati) pimpinan UMNO sendiri yang amat terbuka dan tidak langsung menampakkan perkauman dan persukuan.

Lihatlah mereka terdiri dari pelbagai keturunan, seperti keturunan Singapura, Jawa, Minang, Siam, China, India, Pakistan, Arab hingga sampai ke Turki. Maka, jika ada pengkeritik-pengkeritik yang menuduh bahawa UMNO memperjuangkan 'nasionalisme yang sempit', mereka membuat tuduhan melulu yang tidak berasas sama sekali.

Hakikat ini telah dibuktikan dengan jelas tentang strategi pembangunan UMNO sendiri. Bukan saja pucuk (yang tak pernah mati) pimpinan UMNO yang 'multi-nasional', dasar pelaburannya juga melayani dengan baik kepentingan syarikat-syarikat 'multinational'.

hanuman

HITAM TRISHAW

H. A. H.

Matahari sedang membakar. Tidak ada awan di langit dan angin seperti terdiam mati. Sinaran matahari itu membahangi Kota Melaka, mencairkan tar-tar di jalan-jalan raya bandar itu.

Kepanasan ini tidak pernah terasa oleh pegawai-pegawai atasan. Kalau tidak berada di pejabat-pejabat ataupun bar-bar berhawa dingin, mereka berada dalam kereta-kereta besar yang berair-condition juga. Orang-orang golongan pertengahan sedikit gelisah. Kalau tidak berada di bawah kipas-kipas angin, mereka lantas mencari tempat-tempat di mana angin bertiup. Orang ramai pula, kalau boleh dielakkan, lari berteduh di mana dapat, elok sekali kalau berhampiran dengan penjaja-penjaja air tebu.

Tetapi, Hitam serta kawan-kawannya terus mengayunkan kaki, menjalankan jentera human-power mereka lebih giat lagi. Dalam keadaan-keadaan semacam ini orang kebanyakan memang memerlukan tenaga mereka. Itulah sebabnya Hitam serta kawan-kawannya memang berdoa, kalau boleh dalam kawasan Bandar Melaka dan sekitarnya itu, walaupun hujan tidak mahu turun lebat-lebat, biarlah matahari menyinar seterik-teriknya. Dalam keadaan inilah mereka sangat-sangat diperlukan.

Hitam baru sahaja balik dari bandar. Ia balik ke rumahnya di Padang Temu untuk meninggalkan wang pasar dapur ke tangan isterinya. Ini mesti. Kalau tidak, apa yang hendak disediakan untuk makan tengahari.

Matahari sudah memuncak tinggi, hari sudah hampir tengah hari. Melihat isterinya sedang sibuk membasuh baju di tepi telaga, Hitam tidak lengah-lengah lagi masuk ke dapur dan, sambil berdiri, meneguk segelas teh kosong yang sudah tersedia di atas meja. Ia tidak ada waktu untuk berehat. Ia terus menolak basikal roda tiganya perlahan-lahan keluar dari halaman rumahnya menuju ke jalan raya.

Tiap-tiap hari Hitam keluar menarik pagi-pagi lagi. Pukul lima subuh ia sudah berada di pusat bandar. Ia suka keluar pagi-pagi kerana ketika itu basikal roda tiga belum banyak siah-layah lagi di jalan-jalan dalam bandar Melaka. Kebanyakan kawan-kawannya keluar menarik kira-kira jam lapan pagi, dan selepas pekerja-pekerja Majlis Perbandaran berhenti kerja pada pukul dua, lebih ramai lagi akan mencari sewa. Dan kalau keluar menarik pagi-pagi ia boleh berhenti sebelum pukul tiga petang kerana selepas itu adiknya boleh menggantikannya hinggalah ke larut malam.

Kata Hitam, ia suka menarik pagi-pagi kerana saat-saat beginilah ia dapat menghantar nyonya-nyonya balik dari bermain macuk, buat rumah batu, kata ahli-ahli judi. Hitam memang tahu betul pusat-pusat permainan ini, semacam kawan-kawannya yang lain mahir betul tentang tempat-tempat kupu-kupu malam berhimpun. Untung betul dapat mengangkut pemain-pemain macuk atau poker, kerana kalah ataupun menang, tambang balik tentu ada, cuma ada bertambah baksis ataupun tidak.

Pagi itu Hitam dapat menghantar langganan biasanya dari Jalan Panjang ke Kampung Belanda. Bibik yang dibawanya itu bersungut sepanjang jalan. 'Abang tau, dia orang main pakat. Dia orang main tipu. Gua saja selalu yang kalah. Kelmarin gua kalah, semalam gua kalah, hari inipun gua kalah lagi. Gua tak mau main di situ lagi. Dia orang pencurang. Gua mau main di tempat lain.' Hitam tidak lengah-lengah berkata, 'Kalau nyonya pergi main di tempat lain, jangan lupa kasi tau sama saya di mana.' Tapi Bibik itu menjawab, 'Tak apalah, gua try dua tiga kali di sini lagi. Mana tau ada nasib lagi?'

Lepas menghantar Bibik itu, Hitam dapat sewa pula menghantar dagangan dari Kubu ke Pasar Bukit Cina. Dari Pasar Bukit Cina, Hitam bekejar ke Bukit Serindit untuk mengambil anak-anak Manager, Union Bus Service, dan menghantar mereka ke sekolah mereka di Bandar Hilir. Hitam telah dipajak membawa Kim Swee dan Kim San ke sekolah tiap-tiap hari dengan bayaran bulanan sebanyak duapuluh ringgit.

Dari Bandar Hilir, Hitam terus pergi ke Pasar Besar. Dari pukul lapan hinggalah ke pukul sepuluh setengah pagi tempat yang paling sibuk dalam bandar Melaka ialah di pasar-pasar, terutama sekali di Pasar Besar. Tunggu sahaja di pintu-pintu pasar, dapat tiga atau empat terip, sudah boleh balik menghantar wang pasar sendiri pula.

Di jalanraya, Hitam naik dan mengayuh basikal roda tiganya. Basikal itu sudah lebih lima tahun umurnya. Hitam sendiri sudah menggunakannya lebih dari tiga tahun. Basikal yang digunakannya terdahulu dari itu sudah ditarik oleh taukehnya, dan digantikan dengan basikal itu. Badan basikal itu masih baik lagi, tetapi kerusi duduk yang diperbuat dari rotan itu sudah tidak tegap lagi dan hoodnya, sungguhpun tidak bocor, sudah buruk sekali. Peduli apa basikal buruk ataupun baru, fikir Hitam, asalkan boleh mencari makan, lebih-lebih lagi kerana bukan milik kita.

Baru setengah batu Hitam mengayuh basikalnya menuju ke bandar Melaka, bajunya sudah kuyup dengan peluh. Muka serta lehernya sudah basah dan tekaknya berasa kering. Untung baik sudah minum teh kosong di rumah tadi, fikir Hitam, kalau tidak sudah tentu terpaksa berhenti di kedai kopi. Panas terus membahang. Sambil mengayuh, diambilnya topi kainnya lalu dikipas-kipaskan mukanya.

Tidak berapa jauh dari simpang tiga di Ujung Pasir, jauh kelihatan seorang yang agak setengah umur sedang berdiri di kaki lima di tepi jalan. Dalam tangan kirinya ia memegang sebuah beg surat mesyuarat seperti yang selalu dibawa oleh pegawai-pegawai tinggi. Tangan kanannya sedang mengepit sebuah bungkusan. Orangya tinggi serta berisi sedikit. Ia memakai seluar panjang hitam, kemeja putih tangan panjang dan tali leher berwarna biru muda.

Hitam membuang matanya ke hadapan dan ke belakang. Dilihatnya tidak ada basikal roda tiga lain berdekatan. Menghampiri orang itu dikayuh basikalnya perlahan sedikit dan dalam hatinya ia berkata, 'Ini peluang aku, nampaknya.'

'Ai! Beca, mari sini,' orang itu berteriak sambil mengangguk-anggukkan kepalanya.

Tidak sempat habis suara panggilan, Hitam sudah menuju ke arah orang itu. Tetapi dalam hatinya ia menyumpah, 'Laknat engkau. Aku engkau panggil beca.' Perkataan itu membayangkan di dalam fikirannya seorang apek tua berbaju dan berseluar hitam dan bertopi buluh yang lebar, berlari menarik becanya.

Bila Hitam berhenti di hadapannya, orang itu bertanya, 'Boleh bawa saya ke Jalan Ong Kim Wee di Tengker, tempat kedai alat-alat pejabat?'

'Boleh Encik,' jawab Hitam dengan lekas.

Setelah orang itu naik duduk dan meletakkan bungkusannya di atas tempat duduk di sebelahnya, Hitam naikkan hood basikalnya untuk melindungi penumpangnya dari panas terik itu. Setelah itu iapun mengayuh basikalnya menuju bandar untuk pergi ke Tengker.

Meninggalkan Jalan Panjang, trishaw itu dibawa mengikut kaki Bukit Cina dan terus masuk ke Jalan Munshi Abdullah yang panjang serta lebar dan yang berakhir di Sungai Melaka. Hitam menundukkan kepalanya sambil mengayuh basikalnya dengan tekun. Sekali-sekala ia mengangkat kepala untuk mengelakkan orang ataupun kenderaan yang lain.

'Banyak panas hari ini,' kata penumpang itu.

'Di sini boleh dikatakan hari-hari panas Encik,' jawab Hitam.

'Saya datang dari Ipoh, di sana tidak panas macam ini,' kata penumpang itu lagi.

'Di sana saya dengar ada banyak bijih dalam tanah



dan dekat dengan gunung-gunung, Encik. Itu pasal selalu sejuk,' kata Hitam.

Penumpang itu tersenyum lalu berkata, 'Saya seorang salesman. Kereta saya rosak, belanggar pagi-pagi tadi dengan kereta angkat sampah Municipal. Malang betul. Kereta saya masih dibetulkan oleh bengkel di simpang tadi.'

'Saya lihat Encik macam salesman juga,' kata Hitam sambil mengayuh lebih kuat lagi basikalnya. 'Apa macam boleh belanggar? Banyak rosak kereta Encik itu?'

'Saya mahu keluar dari hotel, lori itu pun tiba. Saya tidak dapat brek lagi. Bumper hadapan kereta saya bengkok dan terpaksa diluruskan semula,' jawab salesman itu.

'Apa nombor kereta Encik itu?' tanya Hitam dalam termengah-mengah.

Salesman itu memberikan nombor keretanya. Sejurus kemudian mereka sampai ke Sungai Melaka. Oleh kerana jambatannya tinggi, Hitam terpaksa turun dan menolak basikalnya. Peluhnya menyimbah lagi. Dalam hatinya ia berkata, 'Aku dengar di kota-kota moden seperti New Delhi, Bangkok dan Karachi, trishaw-trishaw mereka menggunakan kuasa motor. Bila lagi kita hendak ikut moden?'

Di seberang Sungai Melaka, Hitam mengikuti Jalan Hang Tuah untuk mencapai Jalan Ong Kim Wee. Salesman itu berkata lagi, 'Di Ipoh becanya lain macam. Orang duduk di hadapan, pengayuh mengayuh dari belakang. Di sini penumpang-penumpang duduk di kiri dan pengayuhnya mengayuh di sebelah kanan.'

'Saya dengar tuan-tuan punya basikal roda tiga telah membuat keputusan itu, Encik,' kata Hitam sambil

menggosok peluhnya. 'Taukeh-taukeh ini sudah terbahagi dua. Di utara semua trishaw macam di Ipoh itu dan di selatan semuanya macam di Melaka ini. Tetapi, kalau masuk bawah lori, Encik tau, penumpang-penumpang di Ipoh mati dahulu, tetapi di sini saya yang belayar dahulu.'

Salesman itu tersenyum lagi. 'Awak ini sungguh bijak bercakap. Mengapa tidak ambil insurance? Atau pun, mengapa tidak mahu buat kerja lain?' ia nampaknya benar-benar ingin tahu.

'Pembawa trishaw tidak mampu mahu ambil insurance, Encik.' Hitam berkata sambil mengelap peluhnya lagi. 'Mahu kerja lain, apa kerja mahu buat? Dahulu saya kerja S. C. Encik. Kemudian jadi buruh kasar. Sekarang susah hendak dapat kerja. Lagi pun saya sudah tua,' jawab Hitam, merendahkan diri.

'Ya, sekarang ini susah sedikit,' salesman itu bersetuju.

'Kalau mahu jadi salesman macam Encik, apa saya mahu jual?' Hitam mengusik pula. 'Encik, saya nampak, jual barang-barang dari Jerman.'

'Ya, barang-barang dari negeri Jerman, semuanya baik. Lain-lain negeri tidak boleh lawan mereka. Dalam bidang industri negeri kita jauh ketinggalan. Lihat kereta Mercedes mereka. Tengok ubat-ubat yang mereka keluarkan. T.V. dan radio mereka tahan lama. Alat-alat pejabat merekapun nombor satu,' salesman itu berkata seolah-olahnya hendak menjual barang-barangnya kepada Hitam.

Sampai di kedai alat-alat pejabat di Jalan Ong Kim Wee, salesman itu turun. 'Berapa sewanya?' ia bertanya sambil menyeluk sakunya.

'Satu ringgit lima puluh sen, Encik,' kata Hitam.

Berubah sedikit muka salesman itu. 'Mahal betul sewa di sini.' Dia agak berat menghulurkan wang berjumlah satu ringgit dan lima puluh sen genap. Di dalam hati Hitam berkata, 'Kalau engkau tidak teriak aku "beca" tadi, aku cuma charge engkau satu ringgit dua puluh sen sahaja. Tapi, tidak mengapa, engkau salesman, pandai bercakap dan pandai cari duit juga.'

Dari jalan Ong Kim Wee Hitam berpusing balik dan keluar ke Jalan Hang Tuah. Dia terpaksa bekejar lagi ke Bandar Hilir untuk mengambil Kim Swee dan Kim San dari sekolah. Dari jalan Hang Tuah, Hitam masuk ke Jalan Kampung Kuli. Di sebelah kanan ia melalui Masjid Kampung Hulu dan tidak jauh dari situ di sebelah kiri ia melalui Masjid Kampung Kling. Berdekatan dengan masjid-masjid yang tua itu, Hitam terkenang bahawa ia sudah lama tidak menginjak tangga masjid. 'Menarik trishaw, bermandi peluh, bekejar dari hujung ke hujung bandar, sembahyang Jumaatpun aku tidak dapat menyertai,' ia mengeluh dalam hati.

Di Jalan Gelanggang, Hitam berhenti di hadapan kedai Empat Ekor. 'Sekarang ini kedai tikam ekor bersepah. Agaknya hendak menyenangkan dan memewah-

kan rezki orang-orang macam aku ini.' Dengan fikiran ini ia masuk ke kedai itu dan membeli tiket satu ringgit mengikut nombor kereta salesman tadi dengan duit yang diberi oleh salesman itu sendiri. 'Ini tentu ada ong,' katanya dan matanya dalam mimpi melihat wang kemenangannya.

Hitam memang selalu membeli tiket satu ringgit sekali. Kalau kena, hampir dua ribu masuk ke tangannya. Kalau tidak kena, hanya hilang wang seringggit sahaja. Ia berfikir, 'Ah! Alangkah besarnya wang sejumlah dua ribu ringgit? Harga trishaw yang aku bawa ini cuma kira-kira tujuh ratus ringgit sahaja.'

Banyak di antara kawan-kawan Hitam suka berjudi sesama sendiri di semak-semak ataupun di tempat-tempat yang tersorok. Tetapi Hitam tidak tertarik hati. Membuang masa sahaja. Memang kalah tidak seberapa. Dan bila seluruh hari masa habis berjudi, tidak dapat mencari sewa, terpaksa pulang tangan kosong. Lain kalau membeli nombor ekor. Yang susah hanya hendak mendapatkan nombor yang menang itu. 'Selain dari itu, kita menduga nasib sambil mencari makan.' Itulah falsafah Hitam, sederhana dan praktikal.

Sambil mengayuh basikalnya menuju Sekolah Bandar Hilir, Hitam membina angan-angannya. 'Kalau kena dua ribu ringgit, aku akan membeli trishaw aku sendiri. Cita-cita yang selama ini terpendam akan terkabul—mempunyai trishaw sendiri, trishaw baru, cuma tujuh ratus ringgit sahaja. Tidak payah membayar dua puluh satu ringgit sebulan kepada taukeh Hockcha Kampung Kuli itu lagi. Sudah enam tahun aku menarik trishaw, Hockcha itu sudah mendapat dua buah trishaw baru, dari aku sahaja.'

Dari membeli trishaw baru, fikiran Hitam berkayuh kepada anaknya, Salleh yang sedang menuntut di sekolah menengah. Ia cukup sayang kepada anak tunggalnya itu. Agaknya Salleh berasa malu mempunyai ayah seorang penarik beca. Ia tidak pernah membawa kawan-kawannya ke rumah. Tetapi, apa boleh buat, kerja tidak seperti memilih ikan di pasar. Malah memilih ikanpun bergantung kepada duit. Tidak mengapa. Sudah nasibku begini. Tetapi, apa jadipun aku akan ikhtiar supaya Salleh kalau tidak menjadi pegawai kerajaan, akan menjadi pegawai swasta!

Hitam memilih kerja menarik trishaw terutama sekali untuk menampung persekolahan Salleh. Setelah diberhentikan dari S.C. dia telah memburuh. Ada beberapa sebab dia tidak suka memburuh lagi. Selain daripada tempat-tempat kerjanya jauh, dia boleh diberhentikan oleh majikannya mengikut suka hati mereka, bila-bila sahaja. Dan menarik trishaw tidak perlu menunggu cukup bulan untuk mendapat gaji. Sekarang ini ia memegang duit setiap hari. Menarik trishaw, tidak payah interview, tidak payah recommendation, tidak kira sudah umur lebih, asal ada cagaran sepuluh ringgit sudah boleh ambil tri-

shaw dari taukeh Hockcha. Dan dia mempunyai waktunya sendiri—bebas dari jam kerja, tak kluatir dipotong gaji kalau datang lambat.

Untuk Salleh, Hitam merasakan harus dibelikan sebuah jam tangan yang berharga kira-kira seratus ringgit. Sepasang kasut kulit buatan Johnson, dua pasang seluar panjang yang baik dan beberapa helai kemeja tangan panjang. 'Aku mahu dia jadi gentlemen, jangan jadi hippie macam pemuda-pemuda yang bersepah itu.' Demikian Hitam membuat rancangan di istana impiannya.

Baki yang tinggal hendaklah dibeli loked dan barang-barang kemas untuk emak si Salleh. 'Penarik-penarik trishaw tidak dapat meminjam wang dari sesiapaupun. Tidak ada orang yang percaya kepada kami. Kami boleh bergantung kepada kedai pajak sahaja. Tetapi, bagaimana hendak bergantung kalau tidak mempunyai emas barang semayampun? Itulah sebabnya emak si Salleh mesti menyimpan barang-barang kemas.'

Kalau ada baki lagi, fikir lagi Hitam, hendaklah dibeli sebuah peti television, second-handpun jadi. Kabar-kabarnya sekarang ini boleh didapati dengan harga dua ratus ringgit sahaja. Ia tidak sanggup lagi melihat anaknya selalu menumpang-numpang di rumah Kerani Omar tengok T.V. dan isterinya tentu bergembira dapat mengikuti wayang-wayang Melayu, Arab dan Hindustan di rumah sendiri. Buat dirinya seorang, ia sanggup berselipar buruk lagi asalkan anak dan isterinya berbahagia.

Kim Swee dan Kim San sudah lama menunggu Hitam di Padang Bandar Hilir, berhadapan dengan sekolah mereka. Dari jauh mereka sudah berteriak, 'Mana wak pergi? Sudah lama kita tunggu.'

Hitam memberhentikan trishawnya dan mengambil kedua-dua anak itu. 'Naik lekas-lekas, jangan bising-bising,' kata Hitam sambil tercungap-cungap. Setelah anak-anak itu naik duduk, dengan tidak berehat lagi, Hitam menjalankan basikalnya mengikuti Jalan Hilir, Jalan Bukit Sanjuang, Jalan Ayer Leleh untuk ke Bukit Serindit. Sambil mengayuh, ia terasa lapar dan letih. Peluhnya menyimbah lagi.

Melihat anak-anak Manager bas itu, fikirannya melayang ke nasib anaknya sendiri di waktu kecil. 'Salleh tidak pernah dihantar ke sekolah semacam ini. Nasib baik betul anak-anak ini, cuma kerana diberanakkan ke dalam keluarga yang senang.'

Kemudian fikirannya melayang ke Manager bas itu sendiri. 'Dua kali sudah aku berjumpa dengan dia untuk mencari kerja sebagai kelindan bas, tetapi dia enggan menolong aku. Aku lihat dia mengutamakan saudara-maranya sahaja.'

Menurunkan anak-anak itu, ia terdengar kata-kata Kim Swee dan Kim San, 'Besok datang pagi-pagi tau Wak.'

Dari Bukit Serindit, Hitam melalui Durian Daun dan

Pengkalan Rama dan terus menuju pusat bandar. Ia berhenti sejenak untuk minum air batu di tepi jalan. Sambil memerhatikan sewa, ia lihat trishaw-trishaw lain banyak di kawasan itu. Hitam mengerti, membawa trishaw berlainan dengan teksi motokar. Teksi motokar selalunya berhenti di stand, dan orang ramai menuju ke situ. Tetapi, sungguhpun Majlis Perbandaran ada menyediakan stand-stand untuk trishaw-trishaw, orang ramai jarang mahu pergi ke stand untuk mencari trishaw. Sebaliknya trishaw terpaksa mundar-mundir sepanjang masa mencari penumpang-penumpang.

Tidak lama kemudian Hitam sampai ke panggung Capitol. Ia lihat ada tiga biji trishaw terletak di stand trishaw betul-betul berhadapan dengan panggung itu. Mereka berehat-rehat sahaja di situ, kerana belum sampai masa pertunjukan untuk menunggu orang-orang keluar dari panggung wayang. Hitam memberhentikan basikalnya di belakang trishaw-trishaw yang berderet itu.

Sahabat baiknya Latif sedang duduk di atas kerusi trishawnya. Kedua-dua kakinya dilunjurkan dan diletakkan di atas handle basikalnya, macam tuan besar melunjurkan kakinya di atas meja besarnya. Samad sedang membetul-betulkan brek basikalnya dan Karim duduk di tepi parit berhadapan dengan Latif.

Melihat Hitam, Latif berteriak, 'Hitam, aku sudah kena kapur tadi.'

'Itu macam pandai manusiapun kena kapur,' kata Hitam.

'Aku bawa satu passenger tadi. Pakaiannya bukan main lawa, pakai tai, cermin mata, kasut berkilat. Sampai Bunga Raya dia suruh aku tunggu depan kedai Tai



Ming. Aku tunggu sepuluh minit, lepas itu aku tengok dia sudah lesap. Celaka betul,' kata Latif menyeranah.

'Itulah engkau, bawa orang pakai tai tidak hati-hati. Aku lebih percaya orang biasa lagi,' sahut Hitam.

Samad dan Karim tertawa gelak-gelak.

'Di mana engkau semalam? Mengapa tidak hadir dalam mesyuarat menubuhkan Syarikat Trishaw Melayu?'

Latif bertanya.

'Aku sibuklah semalam. Aku pergi naik jalur, hendak tanam jagung,' jawab Hitam.

'Takkan ia, satu hari tidak boleh tinggalkan buat jalur,' kata Latif kesal. 'Mereka membuat rancangan hendak menolong penarik-penarik trishaw. Nasib kita semua,' tambah temannya itu lagi.

'Aku kurang yakin, Tip. Banyak orang datang semalam?' Hitam bertanya pula.

'Ada kira-kira lima puluh orang, termasuk si Mohammad dan si Haji Abdul Rahman, penaja-penaja syarikat itu,' jawab Latif.

'Lima puluh orang sahaja!' kata Hitam terperanjat. 'Engkau tahu, dalam bandar kita ini ada lebih dari satu ribu empat ratus penarik-penarik trishaw.' Dalam kepalanya terbayang wajah-wajah orang-orang yang menjadi pengayuhnya.

'Barangkali mereka semua malas macam engkau,' balas Latif, mengenakan Hitam.

'Apa kata si Mohammad dan si Haji Abdul Rahman itu?' tanya Hitam, ingin tahu.

'Si Mohammad tidak berucap panjang. Ia cuma menyalu-alukan kedatangan penarik-penarik trishaw dan menerangkan serba sedikit tentang syarikat yang hendak ditubuhkan itu. Tetapi, si Haji Abdul Rahmanlah yang bercakap panjang lebar betapa mustahaknya ditubuhkan sebuah syarikat trishaw Melayu dalam negeri Melaka kita ini,' jawab Latif dengan tawar sahaja.

'Aku nak tahu apa kata si Mohammad itu dahulu,' kata Hitam.

'Aku tidak dapat hendak mengatur macam dia bercakap. Pandai betul dia berucap. Banyak betul yang aku tak faham,' Latif malu sendiri mengakuinya.

'Tidak mengapa, aku hanya hendak dengar apa biji butirnya sahaja,' kata Hitam berlagak seperti seorang bapa.

'Si Mohammad selepas mengucapkan terima kasih kepada kami yang datang, terus mengatakan bahawa tujuan perjumpaan itu ialah hendak menubuhkan sebuah syarikat yang akan diberi nama Syarikat Trishaw Melayu Melaka. Dia minta supaya penarik-penarik trishaw Melayu bersatu dan menyokong syarikat yang bertujuan hendak menolong orang-orang Melayu. Sekiranya syarikat ini berjaya dan mencapai kemajuan, orang-orang Melayu boleh duduk sama tinggi dengan orang-orang asing.'

'Bukan duduk sama tinggi yang kita mahu. Berdirilah!' Hitam mencelah, membetulkan.

'Ah! Apapun gasaklah, sama saja bagi aku,' Latif tidak menghiraukan dan terus menyambung. 'Kata si Mohammad, kita harus tunjukkan yang kita orang Melayu boleh berniaga macam ahli-ahli peniaga yang lain. Kalaupun, kalau taukeh-taukeh Hockcha boleh jalankan perniagaan sewa beca ini, mengapa kita yang sudah merdeka tidak boleh?' Latif terhenti cuba mengingatkan apa lagi isi ucapan si Mohammad.

'Itu sahaja?' tanya Hitam.

'Itu sahaja tentang si Mohammad,' jawab Latif.

'Apa kata si Haji Abdul Rahman pula?' tanya Hitam.

'Mana aku nak ingat semua. Kau datang tak mau, tapi nak tau apa yang dicakapkannya,' kata Latif.

'Katakanlah apa yang kau ingat sahaja,' sahut Hitam.

Latif menarik nafas panjang. 'Si Haji Abdul Rahman tu bukan kepalang panjang cakapnya. Selalu sahaja membaca angka-angka yang tersedia dari buku tulisnya. Kata-katanya, nasib pembawa-pembawa trishaw yang paling melarat—kais pagi, makan pagi, macam ayam cari makan. Ia berkata lagi, dalam bandar Melaka ini ada lebih dari lapan ratus biji trishaw. Hampir semua trishaw-trishaw ini dipunyai oleh sepuluh orang taukeh Hockcha yang membuka kedai-kedai basikal. Taukeh-taukeh ini menyewakan basikal-basikal mereka sebanyak dua puluh satu ringgit sebiji sebulan. Pendapatan mereka lebih dari limabelas ribu ringgit pada tiap-tiap bulan. Mengikut si Haji Abdul Rahman, dari satu ribu empat ratus lebih pembawa-pembawa trishaw dalam bandar Melaka ini, lebih dari sembilan puluh peratus terdiri dari orang-orang Melayu. Banyak trishaw dipandu oleh dua orang, satu siang dan satu lagi waktu malam hari. Dan tiap-tiap orang yang mengambil trishaw dari taukeh-taukeh itu terpaksa menaruh ban tidak kurang dari sepuluh ringgit. Jadi, ban di dalam tangan taukeh-taukeh Hockcha itu berjumlah sekurang-kurangnya lapan ribu ringgit. Betul juga si Haji Abdul Rahman itu.'

'Betul tak betul belakang kira. Kita nak tau cakap yang betul itu adakah betul pada perbuatannya. Jadi, apa katanya lagi?' Hitam semakin tertarik dengan cerita itu.

Latif menyambung kata-katanya. 'Kata si Haji Abdul Rahman lagi, kalau semua ban-ban ini diberi kepada syarikat Melayu kita dan semua penarik-penarik trishaw Melayu menjalankan basikal-basikal kita, nescaya syarikat kita akan menjadi syarikat yang besar serta maju. Dia tahu, tidak semua penarik-penarik trishaw mampu membeli sher-sher syarikat itu. Jadi dia bercadang hendak meminjam wang sebanyak seratus ribu ringgit dari MARA dan dari bank-bank. Wang ini untuk membeli trishaw-trishaw baru. Tapi, katanya, ia terpaksa mengambil sewa sebanyak dua puluh satu ringgit juga untuk syarikat membayar bunga serta mengansur balik hutang kepada MARA dan bank-bank itu termasuk perbelanjaan pentadbiran. Kerana inilah ia sangat-sangat minta sokongan,

minta kerjasama dari penarik-penarik trishaw. . . .'

'Cukuplah. Tak payah cerita lagi. Aku dah faham. Aku dah nampak tujuan mereka,' kata Hitam. Sambil menolak basikalnya dari stand, ia berkata. 'Mari Tip, aku sudah lapar. Mari kita pulang makan.'

Kedua-dua sahabat itu meninggalkan stand trishaw di hadapan panggung Capitol. Mereka mengayuh perlahan-lahan basikal masing-masing. Hitam di hadapan dan Latif mengikut dari belakang. Dari Jalan Bendahara mereka membelok ke kanan ke Jalan Munshi Abdullah.

Hitam merasa tidak ada tenaga hendak mencari sewa lagi. Perutnya betul-betul lapar. Ia tundukkan kepalanya sambil memikirkan telatah si Mohammad dan si Haji Abdul Rahman itu. Ia berkata dalam hatinya, 'Nampaknya mereka mencari kesempatan untuk mendapat keuntungan. Penarik-penarik trishawlah yang menjadi sasaran mereka.'

Berhampiran dengan perigi Hang Li Po, Hitam memberhentikan trishawnya. Latif juga menurutnya. Kedua mereka duduk di bawah rimbunan daun beringin.

'Apa yang kau fikirkan?' tanya Latif setelah dilihatnya Hitam duduk menongkat dagu.

'Cerita kau tadi.'

'Ah! Apa yang nak difikirkan. Buat susah diri sahaja.'

'Kita dah susah, Tip. Dan datang pula manusia-manusia yang nak cari kesempatan, nak gunakan kita untuk cari untung diri.'

'Jangan kita pedulikan mereka.'

'Aku tak pedulikan, kau tak pedulikan, Samad dan Karim tak pedulikan. Tapi beratus-ratus kawan-kawan kita penarik trishaw lain bagaimana? Mereka tidak sedar telah dikelirukan. Mereka akan ikut rancangan itu. Masuk perangkap si Mohammad, masuk jerat si Haji Abdul Rahman.'

'Tapi, kalau rancangan itu berjalan, tak banyak sikit tentu kita akan dapat faedahnya, tak?'

'Dari apa yang kau katakan tentang ucapan si Mohammad dan si Haji Abdul Rahman itu, tak ada apa faedah yang kita penarik-penarik trishaw akan dapat. Kalau betul mereka nak tolong kita, mereka mesti usahakan jalan supaya kita semua dapat mempunyai trishaw kita sendiri. Inilah yang mesti disebutkan dan dibincangkan,' kata Hitam.

'Ya tak yanya. Tapi, tentang ini tak disebut langsung.'

Hitam menyambung lagi. 'Si Mohammad dan si Haji Abdul Rahman cuma tengok begitu ramai orang-orang Melayu menjadi penarik trishaw. Dan semua trishaw itu kepunyaan taukeh Cina. Jadi tujuan mereka tidak lain hendak mengambil-alih dari taukeh Cina kepada Melayu. Kita semua akan menyewa trishaw dari si Mohammad dan si Haji Abdul Rahman pula. Kita dapat taukeh baru! Kita berubah tuan! Kita bertukar boss! Apa faedah yang kita perolehi?'



'Betul kata kau, Hitam. Jadi mereka mau menjadi taukeh trishaw Melayu. Bukankah baik ada orang Melayu jadi taukeh?' Latif bertanya pula.

'Heh! Kau berfikir masih di takuk lama lagi. Kalau dah taukeh tu, apa bangsapun taukeh juga—sama sahaja. Dasar mereka semata-mata hendak mencari keuntungan. Betul, syarikat itu kepunyaan ramai. Tetapi, mereka yang mentadbirkannya. Jadi, minyak kita digorengkan untuk faedah mereka. Tetapi, nasib kita penarik-penarik trishaw macam dahulu juga,' kata Hitam.

'Kalau begini aku akan beritahu Samad, Karim dan kawan-kawan kita yang lain supaya mereka tidak terpengaruh,' kata Latif sambil mengeluarkan rokok dari celah topi pandannya.

Hitam bangun sambil menggeliat meluruskan tangan dan badannya.

Sebentar kemudian keduanya mengayuh trishaw masing-masing menuju Simpang Semabok. Sebuah kereta Mercedes lalu dengan laju sambil membunyikan honnya. Latif menyumpah pemandu yang tidak bertanggungjawab itu.

Ketika lalu di hadapan 'Haji Abdul Samad Sawmills', Hitam hanya mengerling sahaja kepada papan nama yang terpampang itu. Tetapi Latif mendapat ilhamnya. Ilham kebenaran kata-kata sahabatnya bahawa 'Apa bangsa sekalipun, kalau dah taukeh, bertujuan satu sahaja, iaitu mendapat keuntungan buat diri mereka sahaja.'

Hari Jadi Mu

*Kepada anakku yang dikasihi, Amran Zaki
Abah mengucapkan selamat hari jadi
Abah tidak ada buah tangan untuk diberi
Hanya kasih sayang saja yang abah ingin curahkan.*

*Betapa megah dan bangganya apabila melihatmu
pertama kali menyedut udara baru
membuka mata mengenal dunia
suara tajam menembusi alam kesunyian*

*Padaku, 'A star, a warrior was born. A man bestowed with the
essential qualities of his parents. . . that will
make him a great man. A man with time, will mature
into the world with full force and commitment,
destined to shake and rock the world from its
slumbering existence.'*

*Masa sudah berlepas; kelemahan sudah membungkar;
keazaman baru sudah terjalin
Detikan masa memberi pengalaman baru, peranan baru, perasaan baru
untuk menghadapi cabaran alam*

*Beljarlah dan fahamlah Kelemahan abah dan emakmu
Supaya hidupmu lebih bermakna, lebih berkesan
Supaya kau tak membencikan mereka kerana mereka juga
insan biasa
Supaya kau lebih mengerti bahawa kebahagiaan dan kewajipan
hidup bukanlah wahyu yang abstrak tetapi perhubungan
konkret yang sentiasa bergelumbang bertukar haluan
mengikut edaran zaman
Amran, kaulah nahkoda kapal dan kaulah patut menentukan haluannya*

*Satu masa nanti, bila kewajipanku tidak dapat kutunaikan
Pelita hidupku kan kupadamkan sendiri
Tetapi cahayanya tetap menyala
Amran, anakku, tangkaplah cahaya ini
Ribakanlah, pupuklah semangat dan keazaman baru
Supaya sinarannya lebih besar, lebih gagah dari pelitaku
Supaya sinarannya memberi harapan baru, membuka jalan untuk rakyat yang terkurung
di dalam sistem pincang
Supaya kau mengerti bahawa cahaya ini bukan hak milikku tetapi
menjadi milik tiap-tiap insan yang menghargai kebebasan dari
cengkaman penindasan, pemerasan, penderitaan dan kemiskinan*

*Abah telah meminjam cahaya ini untuk pelita kecilku
Untuk membuka jalan hidupku
Menerangkan roh dan rohaniku
Kuberharap kau juga akan dapat menikmati dan menghargai cahaya hidup ini*

*Perananku hanya memberi petunjuk
Dan patut menjadi kewajipanmu
Untuk menyoal falsafah hidupku; menapis dengan teliti
Supayakau tak terkurung dalam perangkap yang kuno
yang boleh membawa bencana kepada rakyat yang dicinta*

*Dunia tetap bertukar; sistem tetap bertukar; fikiran rakyat tetap bertukar;
corak hidup tetap bertukar
Kau Amran, juga tetap bertukar, mengkaji sejarah menentu haluan*

*Betapa banggaku nanti, bila kau boleh berdepan denganku dan
menentangku jika kau merasai hidupku menyeleweng mempertuhankan diri;
menghirup mental burguis mabuk dengan kebendaan dan kepalsuan.*

*Abahmu sentiasa ada
sentiasa kasih kepadamu
ingin berbicara denganmu*

*Tetapi abahmu juga ada kewajipan sendiri, kasih sendiri, ideologi sendiri
Kewajipanku ini penuh dengan cabaran
Kerap kali memerlukan pengorbanan
Inilah perananku
Cuba mengharung jalan baru
Ingin mengukir peranan baru, hak asasi rakyat yang tertindas*

*Abah mengerti Amran belum mengerti lagi
Anggaplah ini sebagai wasiatku
Harta bendaku memang tidak ada
hanya kasih sayangku saja yang ada
Kuberharap semangatku dapat memimpinmu*

*Masa hadapanku memang tak cemerlang
kerana kuingin menentang gergasi yang lengkap dengan teknologi perang
jika aku tersungkur
anggaplah ini sebagai wasiatku yang terakhir*

*Ithaca
Jun 1977*

Sanir

Taukeh Badul Cari Untung

Haslam Yassin

Satu daripada kelemahan-kelemahan dalam pembuatan filem di Malaysia ialah kegagalan untuk memahami taraf fikiran dan citarasa masyarakat yang bertambah maju dan 'sophisticated'. Selalu terjadi faktor-faktor sosial tidak diberi perhatian dan para penonton disogokkan dengan cerita-cerita yang tidak mempunyai implikasi masyarakat yang mendalam. Demikianlah dengan filem Tuan Badul, sebuah filem komidi yang diarahkan oleh Jamil Sulong.

Carita Tuan Badul

'GM' (Ibrahim Pendek) adalah seorang suami yang miang keladi, bekerja sebagai 'General Manager' (GM) dalam sebuah syarikat perniagaan kepunyaan Tuan Badul (A.R. Badul), ingin mendapatkan seorang pembantu rumah. Dengan pertolongan Wak Sudin (S. Shamsuddin), si penjual roti; Nor (Nor Kumalasarri), seorang gadis dari perkampungan setinggan dibawa bekerja di rumahnya.

Sebagai ganjaran, Wak Sudin telah diberi kerja sebagai pemandu Tuan Badul. Seperti kebiasaannya, 'GM' jatuh berahi pula kepada Nor, menyebabkan isterinya (Norlia Ramli) bekerja keras mengawasinya.

Tuan Badul telah membeli sekeping tanah untuk tujuan perniagaan dan kebetulan pula tanah itu ialah perkampungan setinggan di mana Nor tinggal. Satu hari dia bersama 'GM' dan Wak Sudin pergi ke kampung itu.

Kedatangannya itu menerima tentangan dan dia cuba menunjukkan ketegasan untuk meruntuhkan

rumah seorang janda. Dia mengubah fikirannya bila mendapati janda itu mempunyai seorang anak gadis muda jelita—Nor. Bagaimanapun orang-orang kampung ini kemudiannya memburu mereka.

Tuan Badul jatuh hati kepada Nor pada pandang pertama dan akhirnya sampai juga ke jinjang pelamin. Kisah perniagaannya tenggelam timbul dan akhirnya hilang begitu saja. Demikian juga dengan niatnya hendak merobohkan rumah-rumah setinggan itu.

Jalan cerita Tuan Badul—seperti juga dengan Panglima Badul dulu—tergantungan-gantungan dan kurang kemas. Apa yang terjadi akhirnya ialah 'pertempuran' di majlis perkahwinannya, seperti terdapat dalam filem komidi Barat seperti '3 Stooges' dulu.

Kurang Kemas

Dua perkara yang ditimbulkan secara sepintas lalu sahaja dalam filem ini ialah isu penglibatan orang Melayu dalam perniagaan dan hubungan antara penduduk perkampungan setinggan dengan tuan tanah. Kedua-duanya tidak diperkembangkan dengan sewajarnya, sedangkan ia merupakan issue semasa yang mempunyai implikasi sosial yang penting. Misalnya apakah ia seorang kaya baru ciptaan Dasar Ekonomi Baru? Filem ini tidak pula menerangkannya.

Bagaimanapun, perbincangan antara beberapa orang Cik Puan di majlis perkahwinan Badul mengenai intan berlian, kereta 'sport' dan anak-anak mereka yang di luar negeri merupakan satu penghayatan

yang berjaya terhadap masyarakat atasan di negeri ini.

Apa yang melucukan dalam filem komidi yang menarik ialah perangai, tindak-tanduk dan percakapannya, bukan kebodohnya. Faktor-faktor seperti ini seringkali diabaikan dalam filem-filem Melayu dan begitu juga dengan filem ini.

Punca ketawa lebih banyak ditumpukan pada dialog, gerak-geri dan kadangkala atas peristiwa-peristiwa tertentu.

Jika dibandingkan dengan filem terdahulunya, *Nasib Si Badul* adalah lebih menarik. Jika Si Badul mengisahkan seorang pemuda miskin yang mengejar anak orang kaya; Tuan Badul pula menceritakan nasib seorang pemuda kaya yang jatuh cinta kepada gadis miskin—kedua-duanya cerita biasa yang menjadi impian ramai orang miskin yang ingin melarikan diri dari nasib malang mereka. Malangnya, nasib orang ramai tidak seperti nasib Badul dalam dunia khayalannya.

Berdasarkan kepada jalinan cerita, perkembangan plot, lakunan, teknik serta tempat-tempat pengembaraan, ada banyak tanda yang menunjukkan filem ini dibuat secara tergesa-gesa, mungkin supaya sempat memperolehi keuntungan pada musim Hari Raya.



***DENGAN INGATAN
TULUS IKHLAS***

dari

**STERLING
WINTHROP**

Pembuat PANADOL

**Peti Surat 9
Jalan Gurney
Kuala Lumpur**



MOTOSIKAL YANG LINCAH

Motosikal sport yang sesungguhnya lincah. Membawa anda ke tempat-tempat yang selama ini anda ingin pergi.

Melakukan hal-hal yang selama ini anda ingin lakukan.

CG 125. Motosikal dua roda dengan enjin Honda empat lejang yang luar biasa lagi terkenal di dunia. Yang berjalan lebih baik, lebih ekonomi serta tahan lebih lama.

Lincah ke mana saja. Sampai ke tempat tujuan dengan bergaya. Itulah CG 125. Dapatkanlah sebuah hari ini.



HONDA
PEMBUAT MOTOSIKAL YANG TERBESAR DI DUNIA.

Pengedar tunggal

BOON SIEW SDN. BHD.

Wings